

Volume I
No. 41



Monday
21st December, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

THE SUPPLY BILL, 1965:

Committee of Supply (Fifteenth Allotted Day)—

Heads S. 52 to S. 59 inclusive [Col. 5273]

Head S. 60 (Debate on Amendment Proposed) [Col. 5332]

Heads S. 60 to S. 63 inclusive [Col. 5370]

ADJOURNMENT (Motion) [Col. 5396]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Monday, 21st December, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

The Honourable WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).

„ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).

„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).

„ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
(Krian Laut).

„ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).

„ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).

„ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).

„ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

„ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

„ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

„ ENCHE' E. W. BARKER (Singapore).

„ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

„ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).

„ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).

„ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).

„ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

„ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

„ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

„ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).

„ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

„ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).

„ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

„ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

„ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).

„ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).

„ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

- The Honourable ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T. (Singapore).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.M.J.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).

The Honourable ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).

„ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).

„ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).

„ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

„ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).

„ the Minister of Agriculture and Co-operatives and Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

„ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).

„ ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K., Assistant Minister (Trengganu Tengah).

„ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

„ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasar Mas Hulu).

„ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

„ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).

„ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).

„ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

„ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).

„ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

„ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).

„ DR GOH KENG SWEE (Singapore).

„ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

„ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).

„ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

„ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

- The Honourable ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
 „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
 „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
 „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
 „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
 „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
 „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
 „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
 „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
 „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
 „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
 „ ENCHE' MUHAMMAD FAKRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
 (Pasir Mas Hilir).
 „ DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
 „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
 „ ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASIL, P.B.S. (Sarawak).
 „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
 „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
 „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
 „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
 „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
 „ ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
 „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
 „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
 „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
 „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
 „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
 „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
 „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
 „ ENCHE' TEH PAO TZE (Sabah).
 „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
 „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Fifteenth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

Heads S. 52 to S. 59—

Mr Chairman: Sa-belum saya memanggil Ahli Yang Berhormat yang pertama sa-kali berchakap, saya suka

mengingatn masa-nya hingga pukul 12.30 sahaja untuk bahathan perkara ini, lepas itu Menteri akan menjawab dan pukul 1.00 habis perkara itu dan kita akan pindah pula kapada perkara yang lain.

Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib (Langat): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian kerana Yang Berhormat itu telah di-naikkan daripada Menteri Muda kapada Menteri yang penoh. Bagitu juga saya mengalu²kan dan menyokong Anggaran Perbelanjaan

Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian ini. Saya berpendapat Kementerian ini ia-lah satu Kementerian yang mustahak demi untuk pembangunan luar bandar, khas-nya berkenaan dengan tanah² di-luar bandar.

Tuan Pengerusi, dalam mengambil bahagian perbahathan ini, saya suka-lah hendak menyentoh sedikit dan hendak membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri dari hal satu masaalah yang merumitkan dan yang mendatangkan kemushkilan kepada saya dan kepada penduduk² Mukim Ulu Langat, khas-nya kepada 600 orang atau pun 600 jiwa saudara² saya daripada orang² China berkenaan dengan sa-buah kampung—sa-buah kampung yang nama-nya kampung ini ia-lah Sungai Macao di-Ulu Langat. Kampung ini telah di-dudoki oleh saudara² saya daripada orang² China dari sejak tahun 1920, ia-itu kira² 43 tahun yang lalu, dan mereka telah tinggal di-sana dengan berternak dan bertani, dudok dengan aman, damai dan ma'amor hingga-lah sampai kepada masa dharurat. Pada masa dharurat mereka telah di-pindahkan daripada kampung mereka itu ka-Pekan Ulu Langat yang lebeh kurang sa-batu sahaja daripada kampung itu. Bagitu-lah keadaan-nya sa-hingga habis dharurat. Tuan Pengerusi, saya chuba memberi ucapan yang ringkas sa-bagaimana kehendak, Tuan Pengerusi tadi.

Dalam Pilehan Raya tahun 1955, Parti Perikatan berkuasa dan chalon Parti Perikatan di-sana telah berjaya. Pada tiap² kali Pilehan Raya—Pilehan Raya Kebangsaan tahun 1955, 1959 dan 1964, maka Parti Perikatan Ulu Langat telah berjanji kepada pengundi², jika Perikatan berkuasa maka mereka yang telah di-pindahkan pada masa dharurat ini akan di-kembalikan balek ka-kampung mereka tadi ia-itu Kampung Sungai Macao yang saya katakan tadi. Bagitu-lah keadaan-nya sa-hingga sampai Pilehan Raya tahun 1959 yang lepas dan Parti Perikatan pun berjanji juga yang mereka itu akan di-kembalikan balek ka-kampung mereka itu ia-itu Kampung Sungai Macao. Kampung Sungai Macao ini ada-lah luas-nya 280 ekar dan ranchangan² pun telah di-buat di-Pejabat Daerah Ulu Langat

dan ada ranchangan² yang telah di-ator yang mereka ini akan di-kembalikan ka-tanah itu—ka-kampung ini semua, maka berjalan-lah dari sa-bulan kasabulan, habis-lah tahun 1963 masok kapada tahun 1964. Dalam Pilehan Raya tahun 1964 sa-kali lagi Parti Perikatan Ulu Langat di-sana berjanji: kali ini kalau Perikatan berkuasa tuan² tetap akan di-kembalikan kepada kampung tuan² itu ia-itu Kampung Sungai Macao itu.

Dalam Pilehan Raya pada 25hb April, 1964, Parti Perikatan sedang mengadakan kempen dengan hebat dan Parti Perikatan daerah Ulu Langat pun bagitu juga, sa-baik² habis sahaja Pilehan Raya ini Perikatan menang tuan² dan puan² akan di-kembalikan kepada kampung mereka itu.

Tetapi malang-nya yang chukup aneh pada masa itu, Dewan Negeri sudah di-bubarkan, Dewan Ra'ayat pun sudah di-bubarkan, tetapi pada 2hb April tahun 1964, sa-masa kita di-sana berjanji hendak kembalikan tanah ini kepada orang kampung pada hari itu-lah—2hb April—Kerajaan telah mengeluarkan tanah itu kepada sa-orang tauke lombong untuk di-jadikan tanah perlombongan. Pada masa kita berjanji hendak mengembalikan kepada mereka pada masa itu—2hb April—Kerajaan mengeluarkan tanah itu—meluluskan kepada sa-orang tauke lombong untuk di-jadikan lombong. Jadi, Dato' Pengerusi, kami parti Perikatan daerah Ulu Langat terasa sa-olah² kami telah di-tikam dari belakang.

Maka, Dato' Pengerusi, sa-lepas itu penduduk² di-sana beserta dengan wakil²-nya telah mengadakan rayuan² di-sampaikan kepada Menteri² dan perjumpaan². Dato' Pengerusi, ini ada satu surat khabar China kalau Dato' Pengerusi benarkan saya hendak bachakan *China Press* (Ketawa)—ini keluaran 20/12 ya'ani sa-malam. Jadi kata-nya—kata surat khabar *China Press* ini—mereka telah pun menghantarkan rayuan kepada Menteri Besar, salinan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kepada Menteri Lombong, dan ini mereka mendesak lagi kepada wakil mereka supaya tanah hak milek asal mereka

ini di-kembalikan-lah kepada mereka, mereka memohon supaya pertimbangan yang adil akan di-dapati oleh penduduk² di-Sungai Macao ini. Bagitu-lah lebeh kurang terjemahan chabutan daripada *China Press* itu, Dato' Pengerusi, tetapi tujuan-nya ia-lah hendak mendesak dan merayu supaya tanah itu di-kembalikan kepada mereka.

Mengikut pendapat kita, Dato' Pengerusi, tanah ini bilangan-nya kechil daripada 280 ekar Kampong Sungai Macao lebeh kurang 90 ekar sahaja yang akan di-lombong—itu pun di-tebok²; tanah itu letak-nya saperti sa-orang tidor letak yang sa-macham ini, jadi di-tebok² sa-belah kepala 20 ekar, sa-belah dada-nya 30 ekar, sa-belah paha-nya 30 ekar, sa-belah kaki-nya 20 ekar, jadi berjumlah 90 ekar, bagitu-lah keadaan yang di-luluskan oleh Kerajaan untok soalan lombong ini. Dan yang sa-benar-nya tanah yang bagini sadikit tidak-lah menjadi kudis dan tidak-lah menjadi kekurangan sadikit pun kapada sa-orang tauke lombong yang sudah kaya raya yang millionaire tetapi tanah yang bagini sadikit adalah menjadi sangat besar faedah kapada ra'ayat jelata yang tidak ada mempunyai tanah yang sa-chubit pun dan mereka hanya itu-lah harapan mereka untok bakal hidup mereka pada masa hadapan.

Dato' Pengerusi, pada masa sekarang ini dalam surat khabar *China Press* ini ada di-sebutkan di-sini, dalam tanah ini sekarang ada 50 buah kolam ikan, 700 pokok durian, sa-ribu batang lebeh pokok rambutan dan pokok² yang lain, ini-lah yang ra'ayat ini telah menanam dan telah usahakan daripada sejak 40 tahun dahulu dan ini-lah yang Kerajaan luluskan untok di-jadikan lombong. Mereka chuma mempunyai kurang lebeh di-antara 2 ekar sa-hingga 4 ekar sahaja—di-antara 2 dengan 4 ekar sahaja, yang sa-lebeh itu di-punyai oleh tiap² sa-orang.

Dato' Pengerusi, ada kesilapan—kesilapan yang besar bagi pehak Kerajaan atau pun Kerajaan telah di-silapkan oleh pegawai² yang berkenaan, sebab-nya tanah ini di-keluarkan untok di-jadikan lombong. Saya ada banyak bukti, Dato' Pengerusi. Pada tahun 1960, satu. Pada tahun 1959 Kerajaan

hendak mengadakan ranchangan tanah Sungai Tekali. Ranchangan Tanah Sungai Tekali ini ia-lah ranchangan tanah Kerajaan Negeri pada asal-nya tanah kampung mereka ini—kampung mereka ini yang 280 ekar ini di-masokkan ka-dalam Ranchangan Tanah Sungai Tekali, tetapi oleh kerana rayuan daripada penduduk² di-sana maka tidak-lah jadi; ini ada, Dato' Pengerusi, potongan surat khabar *China* juga tahun 1960—surat khabar *China Nanyang Siang Pau*, *Sin Chew Jit Poh* dan *China Press* ada di-sebutkan di-sini. Dalam surat khabar *Nanyang Siang Pau* ini, tahun 1960, ada berkata tanah Sungai Macao ini di-keluarkan 280 ekar daripada Ranchangan Tanah Sungai Tekali—Ranchangan Sungai Tekali sekarang sudah berjalan, jadi tanah 280 ekar di-keluarkan tidak di-masokkan dalam Ranchangan Tanah Sungai Tekali sebab tujuan Kerajaan hendak mengembalikan tanah ini kapada mereka yang asal—pada hak mereka yang asal. Jadi itu menunjokkan ranchangan Kerajaan memang ada hendak mengembalikan kapada mereka yang asal, tetapi oleh kerana kesilapan di-jadikan lombong—itu satu.

Yang kedua-nya, ada tanah hutan di-Ulu Langat ini tanah hutan bukan orang punya—bukan ra'ayat punya, ada isi—ada bijeh tetapi Kerajaan tidak benarkan di-lombong kerana alasan, alasan yang sa-rupa, alasan-nya ia-lah di-mukim Ulu Langat ini, mengikut sejarah mukim Ulu Langat ini, mukim tidak boleh di-lombong dari sejak masa penjajah dahulu lagi. Kerana kalau mukim Ulu Langat ini di-lombong sungai² Ulu Langat akan sebu—akan tenggelam—kampung² akan tenggelam dan pekan Kajang pun boleh jadi tenggelam dan sebab itu-lah dari sejak sa-belum perang lagi—zaman British lagi—zaman penjajah lagi—mukim Ulu Langat memang tidak boleh di-lombong.

Ada tanah² orang yang bersendirian, tanah private, 100 ekar lebeh, lebeh kurang 2 batu di-daerah ini. Tuan tanah ini telah meminta kapada Kerajaan daripada sa-belum perang lagi meminta hendak di-lombong, Kerajaan kata tidak boleh, mukim Ulu Langat tidak boleh di-lombong. Berkali² di-minta,

tidak boleh. Ada juga tanah² hutan di-Mukim Ulu Langat ini, tanah-nya berisi bijeh. Dalam negeri Selangor ini di-Mukim Ulu Langat-lah tempat bijeh yang banyak, tetapi sa-memang² Mukim Ulu Langat tidak boleh di-korek dijadikan lombong kerana di-takuti sungai itu akan sebu menjadikan kampong² akan tenggelam. Ada juga permintaan² untuk menjadikan lombong di-tanah hutan, bukan di-tanah orang ra'ayat, tetapi di-tolak dengan alasan yang sa-rupa itu juga. Jadi itu satu bukti-nya yang menunjokkan di-Mukim Ulu Langat tidak boleh buat lombong. Tetapi saya tidak tahu apa sebab sudah jadi, boleh jadi Kerajaan mempunyai kesilapan yang besar, pada 2hb April sa-telah Dewan Ra'ayat sudah di-bubarkan, Dewan Negeri sudah di-bubarkan, sa-masa kita kempen, di-luluskan kapada sa-orang tauke lombong. Jadi ini-lah yang mendatangkan kesedehan kapada penduduk² Mukim Ulu Langat.

Tuan Pengerusi, kawasan saya termasuk Mukim Ulu Langat dan juga termasuklah sampai kapada Semenye. Jadi di-dalam kawasan saya ada juga lombong ia-itu di-sabelah Semenye. Tetapi telah menjadi sa-mula jadi kapada orang² yang dudok di-sabelah Mukim Ulu Langat, kampong² mereka tidak suka di-lombong, mereka suka berchuchok tanam, berternak dan sa-bagai-nya. Di-Ulu Langat ini pekan-nya Kajang. Dato' Pengerusi barangkali ingin hendak tahu di-tempat saya ini ada 3 perkara yang terkenal di-kawasan saya. Yang pertama sateh Kajang. Sateh Kajang ini sateh yang baik dalam negeri Selangor bahkan dalam Tanah Melayu (*Ketawa*). Kalau Yang Berhormat Dato' pergi ka-Lapangan Terbang, di-mana² juga di-Kuala Lumpur ini, nampak sateh Kajang. Apa sebab yang sa-benar-nya jamuan² besar, jamuan² negara, di-rumah Yang Amat Berhormat Tunku panggil sateh Kajang, begitu juga di-rumah Yang Berhormat Menteri² panggil sateh Kajang, apa sebab-nya, bukan kerana apa, kerana lembu itu di-pelihara oleh orang Ulu Langat sendiri dan di-sembeleh oleh orang-nya sendiri dan daging itu-lah yang chukup sedap dan manis, bukanlah sa-macham mana daging² yang ada

di-Market Kuala Lumpur ini, lembu-nya kurus, tua dan sa-bagai-nya. Itu-lah sebab-nya sateh Kajang ini, Yang Mulia Dato' Pengerusi, kalau hari minggu orang dari Kuala Lumpur pergi Kajang makan sateh.

Jadi yang kedua-nya, Dato' Pengerusi, ayer tebu Kajang. Kalau tuan² hendak merasa ayer tebu yang lazat, sila datang ka-Kajang. Di-Kuala Lumpur tidak boleh dapat macham itu punya lazat ayer tebu, kerana apa, tebu itu di-tanam di-tanah yang subor ia-itu di-daerah Ulu Langat.

Yang ketiga-nya ayer terjun di-Ulu Langat. Di-sana ada satu tempat yang di-namakan Kuala Kangsun. Orang Kuala Lumpur ini bila hari minggu mereka tidak suka panas mereka pergi-lah ka-Ulu Langat, di-sana ada kolam besar, ayer-nya jernih, sejok macham ayer batu. Masa penjajah dahulu, Dato' Pengerusi, orang kebanyakan tidak boleh mandi di-sana, chuma orang kulit puteh boleh mandi di-ayer terjun itu. Kawasan itu ia-lah kawasan hutan simpan.

Dato' Pengerusi, maka ini-lah saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri bagi pehak ra'ayat 600 orang saudara² saya daripada orang² China yang mereka sekarang tidak mempunyai tanah dan mereka berharap itu-lah harapan mereka untuk masa ka-hadapan dan saya telah terangkan tadi yang hasil² keluaran mereka banyak mengikut surat khabar China, satu tahun sa-kurang²nya \$10,000 keuntongan berseh boleh di-dapati oleh ra'ayat di-situ, jika tanah itu di-beri kapada mereka. Pertama sa-kali kolam ikan. 50 buah kolam ikan itu boleh mengeluarkan 20-30 pikul ikan pada satu tahun dan hasil² ternakan mereka pun boleh mendatangkan hasil. Hasil durian, hasil rambutan, di-taksirkan tidak kurang daripada \$10,000 berseh boleh dapat masuk kapada ra'ayat ini, jika tanah² ini di-kembalikan kapada mereka dan saya harap-lah kapada Yang Berhormat Menteri yang berke-naan memohon-lah apa kira-nya supaya ranchangan Kerajaan yang telah tersilap tadi untuk di-jadikan tanah² itu menjadi lombong di-tarek balek dan di-kembalikan-lah tanah itu kapada hak mereka yang asal yang mereka

telah kerjakan dari sejak 40 tahun yang lalu.

Dato' Pengerusi, sekarang saya pindah kepada S. 54—Jabatan Galian. Sa-bagaimana saya katakan tadi di-Mukim Ulu Langat ini banyak bijeh, sungai² keluar bijeh, tali² ayer-nya keluar bijeh dan di-sana Kerajaan telah mengeluarkan lesen² mendulang atau pun lesen² melanda bijeh kepada ra'ayat² di-sana dengan chukup banyak dan ini saya menguchapkan terima kaseh kepada Jabatan Lombong dengan ucapan tahniah. Tetapi, Dato' Pengerusi, saya memohon-lah apa kira-nya kepada Yang Berhormat Menteri supaya di-tambah lagi keluaran lesen² mendulang itu supaya di-banyakkan lagi kepada ra'ayat² di-kawasan Ulu Langat ini. Itu-lah harapan saya.

Yang akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya berpaling kepada S. 58—Mergastua. Jadi Mergastua ini biasa-nya tinggal di-dalam hutan. Jadi hutan² ini tempat-nya di-luar bandar. Kita Kerajaan Perikatan, sudah tahu yang kita mempunyai dasar yang tegas untuk memajukan pembangunan luar bandar, telah beraneka jenis-lah kita sudah ranchangkan mengenai pembangunan luar bandar, yang sedang berjalan, telah berjalan dan lagi akan berjalan. Jadi saya ingat Mergastua ini tinggal-nya di-luar bandar, jadi ini pun ranchangan yang baik untuk memajukan penduduk² di-luar bandar ia-itu dengan membanyakkan binatang² di-dalam hutan ini. Mithal-nya, kalau boleh, Kerajaan atau pun Jabatan ini menyiasat binatang² di-negeri² lain yang sama hawa-nya dengan Tanah Melayu, macham kuda liar di-Afrika, kijang, rusa, burong², mithal-nya, di-bawa masuk ka-dalam negeri ini dan masukkan ka-dalam hutan supaya mereka kembang biak dan banyak. Jadi ini mendatangkan keuntungan kepada penduduk² luar bandar dan satu daripada ranchangan pembangunan luar bandar juga. Jadi orang² di-kampung dapat-lah menambah² sedikit mata pencharian mereka dengan jalan memburu dan menternak dan sa-bagai-nya. Itu-lah sahaja, Dato' Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya meminta izin

berchakap di-atas S. 52 muka 215 Butiran (1), (2) dan (3). Hampir² 75% daripada ra'ayat jelata Persekutuan Tanah Melayu, saya perchaya, Tuan Pengerusi, mengharapakan sara hidup mereka itu dengan chara terus daripada perusahaan tanah. Jadi saya berpendapat, Tuan Pengerusi, ada-lah Kementerian ini ia-lah satu Kementerian yang berdamping rapat dengan ra'ayat jelata. Pada hari Sabtu, sebelum Majlis ini di-tanggohkan, Yang Berhormat Menteri telah pun menyatakan dengan panjang lebar-nya berkenaan dengan Undang² Tanah Kebangsaan. Saya sambut dengan baik di-atas Undang² ini, Tuan Pengerusi, tetapi malang-nya perkara ini telah pun di-sebut berulang² kali di-dalam Dewan, di-luar Dewan ini, sampai hari ini pun saya berpendapat, kalau tidak silap, Tuan Pengerusi, Undang² yang tegas belum lagi dapat di-selenggarakan. Jika chepat undang² ini di-adakan, maka akan menjadi faedah yang besar kepada ra'ayat jelata.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, sunggoh pun Kementerian ini sangat penting kepada ra'ayat jelata, saya berpendapat di-beberapa buah Negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, rayuan, permintaan tanah ta' kurang daripada empat ribu sampai enam ribu telah pun terpendam dalam sa-tengah daripada sa-tengah Pejabat Kerajaan. Ini mendukachitakan, tetapi barangkali ada jawapan daripada pehak Kementerian, permintaan tanah telah pun di-bekukan untuk sementara waktu. Jadi, ini-lah datang-nya satu sokongan, atau alasan yang baik kepada sa-tengah daripada sa-tengah Pegawai² Jajahan yang berkaitan. Kalau tidak, Tuan Pengerusi, rungutan daripada ra'ayat jelata, kemarahan ra'ayat jelata terhadap sa-tengah daripada sa-tengah pejabat itu sangat-lah nyata daripada satu masa ka-satu masa. Jadi, dengan ada-nya undang² ini, saya harap rungutan² ini dapat di-perbaiki.

Di-hadapan saya ini, Tuan Pengerusi, ada satu rungutan, saya rasa perkara ini berbangkit di-dalam mana² Pejabat Tanah di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini di-mana tanah² yang di-usahakan telah di-usahakan

sa-masa pemerintahan Jepun dahulu dan di-tanam dengan tanaman yang berguna. Oleh sebab ta' ada pentadbiran yang baik dan terator, maka tanah² ini telah pun di-berikan kepada lain daripada tuan² tanah yang mengusahakan. Maka dengan ada-nya undang² yang sa-ragam, atau pun satu macham undang², maka perkara ini dapat-lah di-perbaiki dengan sa-chepat mungkin.

Saya suka menarek perhatian, Tuan Pengerusi, kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada tempoh hari yang berbunyi:

In one State, a first class hotel which occupies a sizeable portion in the heart of its Capital pays only \$25 per annum. This is clearly an unduly low figure. Hitherto the States of Malaya have not made any major effort to increase their own revenues by making use the powers given to them.

Tuan Pengerusi, di-dalam negara kita ini, tanah² di-keluarkan kepada berbagai² bangsa. Memandangkan tangisan ra'ayat yang berkehendakkan tanah yang sesuai untuk mereka itu berusaha mendatangkan sara hidup mereka itu dengan lebeh baik lagi sa-lepas kita mencapai kemerdekaan, maka perlu-lah dengan berpandukan nasihat yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita untuk menchari jalan, apa-kah chara yang kita boleh memberi pentadbiran yang lebeh baik lagi di-atas soal tanah ini. Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, tanah² yang telah di-keluarkan kepada berbagai² bangsa di-sini, saya suka mendatangkan shor, dengan kita kechualikan tanah² kita yang telah di-beri kepada pak² tani yang mengusahakan tanaman padi dan tanah² yang telah di-tanam dengan nyior (kelapa), tanah² yang geran-nya kurang daripada sa-puluh ekar yang di-punyai oleh sa-orang sa-lebeh daripada itu, Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian yang berkenaan perlu-lah mendatangkan satu chara yang menetapkan hasil kepada pemegang² tanah itu dengan lebeh tinggi lagi, ia-itu katakan kita memikirkan harga tanah itu, umpama-nya di-Kuala Lumpur ini, saya rasa, Dato' Bandar Kuala Lumpur yang ada bersama² dengan kita sekarang ini, sa-bagai-mana yang saya telah pun di-fahamkan

satu kaki persegi tanah di-Ibu Kota ini berharga di-antara empat ringgit ka-atas, ta' kurang daripada itu. Di-Petaling Jaya, antara empat ringgit sampai lima ringgit satu kaki persegi. Di-kampung saya sana, barangkali ta' sampai tiga puluh sen satu kaki persegi, tetapi hasil-nya, hasil tanah sara-pura sahaja, Tuan Pengerusi. Masa-nya telah sampai, Tuan Pengerusi, kita mentadbirkan soal hasil tanah ini, berpatutan dengan pendapatan pemegang² tanah itu.

Saya shorkan di-sini, Tuan Pengerusi, sa-lain daripada assessment, atau pun rates di-tiap² Ibu Kota, atau pekan² yang besar itu, hendak-lah dikenakan hasil tanah yang ta' kurang daripada \$500 satu pintu. Maka dengan jalan ini, kita boleh mendapat hasil negara yang lebeh baik, dan di-kampung² pula, tanah² yang di-pegang oleh bangsa asing yang tidak mempunyai kera'ayatan dalam negara kita ini, kita mesti-lah dikenakan hasil yang berlipat ganda, sama ada mereka itu mempunyai lombong bijeh, atau pun ladang getah. Ini bukan satu perkara yang baharu, bahkan telah di-jalankan oleh negara² lain saperti negeri Arab—di-negeri Arab orang yang tidak mempunyai kera'ayatan Arab, untuk mempunyai satu inchi tanah pun ditegah mereka itu. Mengapa kita tidak berbuat demikian di-sini? Negara kita pun bukan kaya sangat, jadi saya rasa, kita mesti-lah memikirkan soal ini dengan sa-dalam²-nya, dan mengutip hasil sa-imbang dengan pendapatan orang² yang memegang tanah² itu.

Tuan Pengerusi, saya suka berchakap atas Kepala S. 54, muka 225, Butiran (1), (2) dan (3). Di-atas hal ini, Tuan Pengerusi, baharu² ini harga bijeh sudah pun naik, dan manusia pun berlumba² hendak menchari tanah untuk di-lombong. Di-sini akan menjadi satu chabaran yang besar sa-kali, Tuan Pengerusi, kepada orang² Melayu yang mempunyai tanah di-dalam kawasan tanah Rezab Melayu. Saya bersetuju tanah² yang di-pegang oleh orang² Melayu itu, ia-itu Malay Reserve boleh di-lombong, tetapi kesilapan orang² Melayu, Tuan Pengerusi, pada masa yang lampau, jangan-lah hendak-nya berulang kembali.

Di-Lembah Kinta, Tuan Pengerusi, hampir² di-Lembah Kinta itu di-punyaï oleh orang² kita Melayu. Rasa-nya kalau tidak silap saya, Tuan Pengerusi sendiri pun ada bahagian di-situ, tetapi apa jadi-nya hari ini.

Mr Chairman: Apa kena-mengena dengan saya fasal itu (*Ketawa*).

Enche' Tajudin bin Ali: I am coming to the point now. Jadi, janganlah hendak-nya undang² ini di-pinda supaya orang Melayu ini sekarang duduk dalam kampung dan di-pinggir gunung terpaksa lari ka-dalam laut. Jadi, saya rasa mesti-lah Yang Berhormat Menteri jaga sangat² di-atas perkara ini, sebab saya dapati, Tuan Pengerusi, baharu² ini tanah di-tempat saya Lembah Kinta, apabila undang² ini di-keluarkan, tanah yang berharga \$500.00 sa-ekar dahulu sudah melambong menjadi \$5,000-\$6,000 sa-ekar. Ini tentu-lah ada satu² fasal yang tertentu; tanah yang begitu murah sudah melambong harga-nya. Jadi, orang Melayu tidak ada tempat lagi hendak lari daripada kampung-nya. Oleh itu, saya rasa untuk memelihara ketenteraman dan keamanan negara ini, saya harap sangat-lah bagi orang Melayu, terutama pengundi² saya supaya Menteri yang berkenaan menjaga bersungguh² berkenaan perlombongan di-dalam Tanah Simpanan Orang Melayu itu. Terima kaseh.

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap di-bawah S. 53 pada muka 220. Saya menyokong penoh di-atas ucapan daripada saudara saya Yang Berhormat dari Larut Utara bersangkut-paut dengan National Land Code (Undang² Tanah Kebangsaan). Saya berkata bagini dengan kerana pada masa sekarang ini sangat²-lah mustahak Undang² Tanah Kebangsaan itu di-segera di-perkuat-kuasakan. Sa-tahu kita, pada masa sekarang, seluruh Tanah Melayu mempunyai 11 Undang² Tanah dan tiap² satu Undang² Tanah itu ada-lah berbeza di-antara satu dengan lain. Oleh yang demikian, sangat²-lah menyusahkan kepada penduduk² di-seluruh Malaya ini untuk hendak mengurus, mengawal dan menjaga bersangkut dengan tanah². Umpama-nya, Tuan

Pengerusi, berkenaan dengan Undang² Limitation. Limitation ini dalam negeri Kedah tidak ada. Jika sa-kira-nya, sa-saorang yang dudok di-atas tanah orang lain dan orang itu bukan tuan tanah itu, geran tanah itu dalam nama orang lain dan dia perintah tanah itu sa-hingga, kata-lah, lebih daripada 12 tahun. Tuan tanah itu tidak menuntut apa² daripada-nya—tidak menuntut hak-nya sa-bagai tuan tanah itu. Maka orang yang memegang atau orang yang squatting di-atas tanah itu tidak boleh mendapat hak di-atas tanah itu. Tetapi, dalam negeri Pulau Pinang undang²-nya berbeza pula. Jika sa-saorang itu yang dudok dalam sa-keping tanah "adverse possession" sa-lama 12 tahun dan lebih, boleh berhak kepada tanah itu dengan mengadakan satu declaratory order dalam Mahkamah. Ini perbezaan-nya, Tuan Pengerusi, yang menyusahkan orang kita hendak mentadbirkan soal tanah-nya.

Yang kedua-nya, saya berchakap berkenaan dengan lelong tanah. Ada Kerajaan² Negeri sedar bahawa undang² bersangkut-paut dengan lelong tanah dalam negeri² mereka itu yang telah terkandung di-dalam Undang² Tanah mereka itu tidak sesuai pada masa sekarang. Umpama-nya, baharu² ini kita dengar tanah yang berharga sa-banyak \$50,000 di-lelong dengan harga \$250.00. Saya tengok dalam negeri Pahang pun ada juga kejadian yang sa-umpama itu, dan baharu² ini di-Kedah ada keadaan macham itu. Jadi, Kerajaan² Negeri teragak², sama ada mereka itu hendak meminda undang² negeri mereka itu atau hendak menunggu terkeluar-nya atau pun diperkuat-kuasakan Undang² Tanah Kebangsaan. Jadi, yang demikian tidaklah boleh mereka itu hendak membuat apa² hanya mereka itu menunggu National Land Code ini sahaja. Sa-tahu saya undang² ini telah di-setujui di-atas dasar-nya oleh tiap² buah Negeri. Dan lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sa-tengah negeri menyebut tanah mereka itu mengikut ekar dan sa-tengah negeri mengikut relong, dan kadang² kita berkata 9 relong. Orang lain akan bertanya, "Relong itu apa? Sa-banyak berapa

ekar?" Jadi, kita dalam negeri yang satu, Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya kita samakan satu² perkara itu, semua akan senang.

Sa-lain daripada itu bersangkut-paut dengan rumah pangsa (flat) yang dudok di-atas tanah itu, kata-lah, Flat No. 2502 geran-nya macham mana? Jika sa-kira-nya, kita tidak ada Undang² Tanah Kebangsaan yang meliputi perkara ini, saya rasa orang² yang membeli rumah pangsa itu tidak berapa selamat title-nya.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan peratoran mining. Yang di-buat di-negeri Kedah berlainan chara-nya, di-negeri Kelantan lain chara-nya dan negeri Perak lain chara-nya. Kadang² miner di-Perak yang hendak menjalankan kerja-nya di-Kedah, mereka itu terpaksa chari lain chara hendak buat permintaannya. Dan ada orang² menyebut dan ada orang² yang memahamkan, Tuan Pengerusi, ia-itu Tanah² Rezab Melayu tidak boleh di-gadaikan kapada orang² lain yang bukan Melayu. Umpamanya, sa-tengah² bank tidak mahu mengambil tanah yang di-dalam Rezab Melayu, kerana mereka itu memahamkan bahawa tanah Rezab Melayu tidak boleh di-gadaikan kapada orang yang bukan Melayu. Ini, Tuan Pengerusi, sangat²lah merugikan kapada orang Melayu yang hendak mengambil bahagian di-dalam iktisad dalam negeri kita ini. Itu-lah, Tuan Pengerusi, saya berharap supaya Kementerian ini sedar di-atas mustahak-nya supaya Undang² Tanah Kebangsaan ini di-perkuat-kuasakan dengan sa-chepat mungkin.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kaseh kapada Tuan,

kerana memberi peluang kapada saya beruchap pagi ini dan saya berjanji tidak akan mengambil masa yang panjang dalam perbahathan Kementerian ini. Saya chuma hendak berchakap dalam satu masaalah sahaja ia-itu Jabatan Orang Asli. Tuan sendiri tentu-lah tahu sa-belum saya berchakap pun banyak kawan² saya dan Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak lain dan tidak bukan akan memperkatakan orang asli dalam Kementerian ini. Jadi

saya sendiri yang pertama sa-kali, Tuan Pengerusi, menguchapkan tahniah kapada Jabatan Orang Asli ini di-atas usaha dan tenaga-nya bagi menjadikan orang asli ini satu kaum yang mengambil bahagian dalam masharakat kita bila mana negeri ini telah merdeka. Akuan dan tahniah saya itu bukan saya sahaja tetapi ada sa-bahagian besar ra'ayat negeri ini menyertai saya atas usaha² Jabatan Orang Asli ini. Boleh-lah saya tunjukkan, Tuan, satu pengakuan yang telah di-bacha oleh beribu orang kaum asli kian mara menchapai kemajuan, tetapi di-hujong kemajuan itu di-letakkan titek² yang menjadi tandatanya dan jawapan kita sendiri, ta' lain dan tidak bukan tentu-lah soal supaya kaum asli ini menjadi satu kaum atau masharakat yang benar² mengambil bahagian dalam pembangunan negeri kita ini maseh belum kita chapai, dan tujuan kita dan Kerajaan juga hendak menjadikan supaya kaum ini mengambil bahagian bersama dengan lain kaum atau bangsa yang ada di-Malaysia ini.

Saya menitek-beratkan, Tuan Pengerusi, ia-lah di-dalam beberapa masaalah sahaja bahawa sa-nya usaha hendak mempertinggikan taraf hidup kaum asli ini boleh kita buat, tetapi hendak-lah Kementerian ini sendiri mempunyai keberanian—ketegasan dalam melaksanakan dasar dan daya usaha-nya untuk meninggikan harapan supaya kaum asli ini tinggi dalam segi kehidupan, baik dalam segi moral atau sa-bagai-nya.

Saya pandang pada masa ini, dengan pandangan saya yang kasar, Kementerian dan Jabatan Orang Asli ini belum menentukan satu programme bagaimana hendak menentukan kedudukan orang asli supaya boleh mengambil bahagian, ada-kah dengan mendirikan—membuat perigi, mendirikan sedikit sa-banyak balai raya dan menggugorkan dari udara ubat². Ini saya fikir tidak-lah boleh di-katakan satu usaha yang concrete menjadikan orang asli ini satu badan—satu kaum yang mengambil bahagian bersama. Jadi ini-lah saya menyeru kapada Menteri Yang Berhormat dan Kementerian-nya supaya menimbangkan masaalah ini.

Kita tahu sekarang ini, Tuan Pengerusi, filem² Jabatan Penerangan pernah di-tayangkan di-perkampungan orang asli dan sa-tengah²-nya kadang² di-pertunjukkan oleh pegawai² yang tertentu yang mempunyai projek filem-nya sendiri kepada orang asli. Orang asli sendiri tidak akan dapat memahami jikalau di-pertunjukkan filem yang di-datangi atau kejadian di-tanah atau negeri barat yang mempunyai bahasa Inggeris, chuma tidak lebeh dan tidak kurang macham orang Melayu sendiri menengok filem bahasa China. Chuma isharat daripada filem itu sahaja dapat kita mengerti. Bagitu juga orang asli yang maseh jahil—yang maseh belum baik kedudukan pelajaran-nya jikalau di-pertunjukkan dengan filem² yang berbahasa Inggeris, tentu-lah tujuan kita menunjokkan filem itu tidak dapat-lah di-terima dengan baik-nya.

Saya mengeshorkan supaya filem² kemajuan orang asli itu sendiri, umpama-nya, kejayaan perkampungan orang asli di-Gombak di-pertunjukkan kepada orang asli yang di-lain² kampung. Filem Senoi Pra'ak yang kita tahu di-anggotai oleh orang asli di-pertunjukkan kepada orang asli di-lain tempat bagini gambaran-nya, sebab kita tahu, Tuan Pengerusi, orang yang belum chelek—yang belum nampak, dia nampak apa yang dia nampak, dia tidak boleh nampak apa yang dia tidak boleh nampak. Jadi, chontoh yang dekat itu-lah harus kita kemukakan kepada mereka itu. Saya tahu dan saya sedar ada kaki-tangan Jabatn Orang Asli ini dengan sukarela mempertunjukkan filem yang menggunakan bahasa Inggeris, chuma kita boleh tengok filem itu sahaja. Jadi ini-lah saya minta kepada Menteri Yang Berhormat dan Jabatan yang berkenaan supaya menimbangkan masaalah ini. Saya fikir Jabatan atau Kementerian Penerangan dan Penyiaran akan boleh membantu dalam penyelenggaraan Filem Negara ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, tidak shak bahawa sa-nya pada masa ini sa-tengah daripada bahagian orang asli itu maseh di-kenakan penindasan oleh orang tengah, baik dalam soal tenaga dan juga titek peloh mereka—titek peloh mereka itu di-beli dengan

harga murah. Tenaga mereka itu di-beli dengan harga yang murah. Dan titek peloh mereka di-beli dengan harga yang tidak berpatutan. Jadi ini-lah saya minta kepada Menteri Yang Berhormat dan Jabatan yang berkenaan supaya bukan sahaja mengambil langkah, memerhati orang tengah yang membuat penindasan kepada kaum orang asli yang maseh ada—upahan tenaga yang tidak berpatutan menjayakan satu perkampungan, umpama-nya, dengan harga yang paling murah. Saya sebutkan orang tengah ini, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah sebut apa bangsan-ya kerana mana² bangsa pun ada orang tengah ini menchari kesempatan, menchari faedah-nya, daripada kesempatan yang di-dapati lebeh² lagi orang asli yang dudok terpenchil mengambil rotan, sa-tengah bekerja kerana mengeluarkan susu getah jelutong yang dia berkhidmat dengan sa-orang ahli perniagaan yang di-beri upah tidak bagitu lumayan. Saya fikir pegawai² orang asli di-negeri² boleh memerhatikan hal ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya berchakap berhubung dengan orang asli ini ia-itu pandangan saya berhubung dengan orang asli umum. Kita mengetahui, orang asli tidak mempunyai ugama di-negeri kita ini hanya sa-bahagian kechil daripada mereka itu masok ugama Kristian dan sa-bahagian daripada-nya masok ugama Islam. Tetapi sa-bahagian besar daripada mereka itu ia-lah maseh tidak mempunyai ugama. Walau pun mereka tidak mempunyai ugama, tetapi mereka memperchayai ada-nya Tuhan sebab tiap² yang berbuat baik akan di-balas dengan baik. Dan keperchayaan mereka lebeh kepada keampunan daripada menerima dosa. Jadi adat resam itu maseh ada pada mereka. Jadi saya mempunyai pandangan bersendirian dalam masaalah ini, tuan, bahawa sa-nya orang asli ini saya berkeyakinan orang asli ini mesti mempunyai ugama yang tertentu.

Jadi, sekarang saya menyeru dengan chara bersendirian kepada Kementerian ini supaya mengambil initiative bagaimana orang asli ini boleh mempunyai ugama. Saya memberi pandangan dan pendapat—seruan saya kepada Persekutuan Seruan Islam yang ada

di-tanah ayer kita ini, saya memberi pandangan kepada parti yang mengakui Islam supaya mengislamkan; yang sudah² ini hendak mengislamkan orang yang sudah Islam. Apa kita kehendaki mengislamkan orang yang bukan Islam. Kalau semua jurusan ini—penyiaran agama kita boleh kita lakukan, saya yakin dan saya perchaya orang asli ini akan lebeh dan dapat kita pimpin ka-arrah agama. Baik dalam segi music, segi adat resam, kahwin orang asli lebeh meret kemelayuan.

Sa-bagaimana tuan ketahuī, di-Perak sendiri kalau kita menggunakan hari kahwin joget orang asli kita gunakan bagi mera'ikan majlis tarian itu. Jadi ini sudah nyata dan terang kesenian dan kebudayaan orang asli itu lebeh meret kepada orang Melayu. Apa-kah langkah yang kita buat sekarang ini, apa-kah Kerajaan mahu bahawa sa-nya satu kaum dalam negeri ini tidak mempunyai agama, kita tahu tidak bahawa sa-nya orang yang tidak mempunyai agama ini tidak ada-nya Tuhan, maka ini dengan senang pengaruh kominis boleh masok, dengan membiar ini dengan sendiri satu lubang pintu yang kita buka supaya fahaman itu masok. Sa-lain daripada tidak ada agama, mempunyai keadaan rendah hidup-nya lebeh mudah mendapat ilham ini. Jadi sekarang ini saya beri pandangan kepada segala pihak, kepada Kementerian ini sendiri, kepada badan² seruan agama, kita tidak boleh marah kepada orang yang meng-kristiankan orang asli ini sebab usaha dia lebeh, tetapi sekarang ini sa-telah negeri kita bagini, negeri kita sudah merdeka, mempunyai agama rasmi yang tunggal atau agama rasmi Islam dan kita mesti pula mengkaji bahawa sejarah hidup orang asli itu lebeh meret kepada orang Melayu. Hari ini pun orang asli lebeh menchintai bahasa kebangsaan daripada orang yang bukan Melayu lain². Kita tahu sekarang ini, Tuan Pengerusi, Soekarno tidak boleh mempersatukan orang Indonesia jikalau tidak mempergunakan alat bahasa.

Dengan satu bahasa, satu bangsa kita jadikan Indonesia tahun 1928, Tuan Pengerusi, tektik propaganda di-ambil oleh wakil Singapura, Enche' S. Rajaratnam, bagaimana Soekarno mem-

persatukan alat propaganda, kita tahu dengan jalan bahasa sahaja boleh mempersatukan. Orang asli menghormati, sekarang ini menerima tidak ada sekolah orang asli melainkan Sekolah Kebangsaan. Hidup sa-harian di-rumah mereka sekarang menggunakan bahasa kebangsaan lebeh banyak, kesenian mereka meret kepada kebangsaan kita.

Jadi sekarang ini, Tuan Pengerusi, satu bangsa yang lemah dan juga meminta pimpinan pada kita, sedang usul dan darah mereka itu lebeh hampir dengan kita menjadi kewajipan-lah kepada Kementerian ini mengambil satu langkah yang tegas dan berani. Tetapi walau macham mana pun, Tuan Pengerusi, saya tidak tahu dan saya boleh di-betulkan. Ada-kah Kementerian Orang Asli ini mengambil orang adek beradek sahaja dalam mentadbirkan Jabatan Orang Asli ini? Sebab saya tahu di-sana semua bin Abdullah. Ada-kah orang ini adek beradek? Kalau saya salah tolong betulkan, sebab saya tidak dapat ma'alumat. Apa salah-nya di-chari bin Ali, bin Mohammad atau pun Husain (*Ketawa*). Tidak-lah saya tahu, boleh jadi ini menyentoh sa-bahagian kechil tetapi perasaan saya ikhlas dan saya mengaku saya boleh di-betulkan, kerana saya tahu tiga empat orang bin Abdullah, kerana orang ini adek beradek. Mengapa tiga empat orang adek beradek dalam Jabatan ini.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, sebab saya sudah berjanji saya hendak beri peluang dan menghormati nasihat tuan, saya mengeshorkan supaya Jabatan ini menubuhkan satu badan penasihat kepada orang asli dan daripada badan itu bukan sahaja boleh menasihat Yang Berhormat Menteri, tetapi boleh kita membincang lebeh dalam, dalam segi masalah orang asli. Jadi dengan harapan ini, saya fikir jikalau sa-kiranya pendapat saya di-ambil pandangan, bukan sahaja saya di-terima kaseh tetapi sa-bahagian besar daripada orang² asli juga berterima kaseh. Sekian sahaja, terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya ter-lebeh dahulu menguchap ribuan terima kaseh kepada sahabat saya daripada

Lipis, yang telah memberi peluang kepada Parti saya supaya mengambil kechergasan di-dalam mengislamkan orang² asli di-tempat-nya. Tuan Pengerusi,

Enche' Abdul Razak bin Hussin: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan, saya tidak kata tempat, saya kata pada umum-nya.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Lagi terima kaseh, Tuan Pengerusi, bila umum banyak itu barangkali Parti saya akan kembang di-merata².

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan orang asli ini, saya suka juga hendak berchakap sadikit sa-belum saya patah balek kepada

Tuan Pengerusi: Saya suka juga hendak mengingatkan, masa kita ini pendek, jadi tidak usah kita berchakap atas perkara yang luar daripada dalam Anggaran Belanjawan ini. Yang kena-mengena itu boleh, sipi², itu boleh, tetapi jangan-lah sampai tidor di-sana sahaja.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Pengerusi, saya chatitkan ini saya rasa dalam perkara² itu-lah ia-itu dalam S. 59 berkenaan dengan orang asli ini. Kita bukan-lah sahaja maksudkan orang asli yang ada di-Tanah Melayu ini tetapi patut-lah di-luaskan ranchangan² itu sampai ka-Sabah dan Sarawak, kerana saya dapati orang² asli di-sana, nasib-nya pada sa-tengah² tempat itu tidak-lah kurang terok-nya sa-bagaimana di-sini.

Ada pun berkenaan dengan ranchangan² itu, saya tidak-lah hendak menyebutkan, kerana itu kita berharap-lah Kementerian kita ini menjalankan saperti mana mengajar Islam, mengadakan pertandingan Qur'an di-tempat² orang sakai dan bermacam² lagi dan kita serah-lah kepada Kementerian itu. Apa yang saya harapkan ia-lah ranchangan kemajuan orang² asli ini dimasukkan juga orang² di-dalam Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, memandang kepada bertambah banyak-nya tugas kita di-dalam Malaysia ini, saya mengeshor-kan dan saya harap saya jangan-lah di-tudoh kurang ajar-kah, bastard-kah, sa-bagaimana yang saya dengar ini,

kerana sebab saya hendak mengeshor-kan sahaja ia-itu patut-lah kita adakan sa-orang Menteri Muda supaya menolong Menteri kita yang penoh ini. Sebab nampak-nya urusan Kementerian Tanah dan Galian ini tentu-lah bertambah banyak lagi sa-telah Sabah dan Sarawak masok ka-dalam negeri kita, dan saya rasa bila di-adakan Menteri Muda bagi menjalankan tugas yang tertentu akan lebeh besar-lah faedah-nya daripada kita mengadakan Menteri² penoh tetapi tidak berjawatan dengan tidak ada portfolio-nya. Ini harapan saya di-dalam Kementerian itu sendiri.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu dalam muka 218—Penyiasatan Kaji-purba ia-itu mengkaji atau pun menyiasat barang² lama. Ada satu perkara yang saya dapat bertambah pengetahuan ia-itu Muzium Sarawak di-bandar Kuching, di-dalam-nya terdapat barang² purba yang di-bawa daripada dalam hutan yang lama². Dan ada tempat² gua-nya dan ada cherita orang yang memotong kepala—head hunters—dan berbagai² di-situ. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya memendekkan cherita ia-itu di-negeri kita pun, di-Tanah Melayu, ada banyak perkara² yang boleh membawa ke'ajaipan yang kita sengaja kita biarkan. Mithal-nya sahabat saya daripada Kulim dia boleh mencherita dari hal Bukit Gunong Triang yang mempunyai satu gua yang di-dalam-nya ada kubor. Kalau di-ukor kubor itu akan bertambah besar atau bertambah kecil. Jadi ini perkara² yang 'ajaib dan terutama di-tempat saya sendiri, Tuan Pengerusi, di-Perlis, ada dua tempat yang kita dapati kesan² benda² purba ini yang amat menarek hati sa-hingga filem², kalau tidak salah saya filem "Buloh Perindu" pun pergi mengambil gambar di-tempat itu. Di-dalam bukit itu ada tertulis, saya tidak tahu berapa lama, tetapi bapa saya cherita ada tertulis di-Bukit Chopin yang di-tulis di-situ di-atas batu, yang tidak tahu siapa yang memahat-nya. Tulisan-nya:

Bukit Chopin gua berani

Tempat orang mengambil baja.

Puteh kuning jangan di-ingini.

Banyak orang balek sahaja.

Jadi ini, Tuan Pengerusi, satu perkara yang lama yang boleh kita bawa kesan² itu membawa ka-dalam Muzium kita yang sa-patut-nya Kementerian kita ini menghantar orang di-sana.

Lagi satu tempat, Tuan Pengerusi, dekat dengan rumah saya, Bukit Lagi, bagitu juga ada tertulis dan terpahat di-situ, pantun saya tidak tahu berapa lama pantun itu di-tulis tetapi menjadi satu 'ajaib yang mempunyai tirai batu bertulis di-situ:

Bukit Lagi bintang berkarang.

Anak Ju dua sa-rupa.

Adek pergi abang jangan larang.

Janji dahulu jangan di-lupa.

Jadi ini, Tuan Pengerusi, satu perkara yang kita fikirkan yang perkara ini kecil, tetapi mempunyai perbendaharaan yang patut di-kaji oleh Bahagian 14 ini, dan saya perchaya sahabat saya daripada Kulim akan boleh menceritakan lebih banyak lagi berkenaan dengan Gunong Krian dan benda² yang 'ajaib di-dalam gua itu.

Tuan Pengerusi, muka 218, Pechahan-kepala 18, ia-itu berkenaan dengan Undang² Tanah Kebangsaan. Saya amat-lah tertarek hati dengan sahabat saya dari Alor Star yang memberikan ucapan-nya di-dalam perkara itu, dan ada satu perkara yang saya rasa pelek di-sini, ia-itu peruntukan bagi usaha² ini yang dahulu-nya ada peruntukan, tetapi di-mana peruntukan-nya itu, tahun ini di-pindahkan dengan token \$10 sahaja sa-bagaimana yang terchatit pada muka 218, Pechahan-kepala 18. Jadi, ada-kah perkara itu sudah selesai, maka peruntukan itu tidak di-adakan lagi, hanya di-adakan token sahaja, atau pun perkara ini di-biarkan bagitu sahaja maka di-adakan token; apabila Wakil² Ra'ayat ini menjolok²kan, maka dia kata nanti-lah: "I will come again to this House and ask for money". Jadi, saya rasa ini sa-olah² tidak bersunggo² di-dalam kerja² itu. Saya tidak berkata bahawa Menteri kita ini berniat bagitu, tetapi dia kurang kaki-tangan, dan patut di-adakan Menteri Muda untuk menolong beliau itu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya pergi pada muka 225, Kepala S. 54 berkenaan dengan Galian. Memang-lah berkenaan dengan galian ini, sa-tahu

saya banyak orang² Melayu kita yang mempunyai tanah² yang kalau di-jalankan penyiasaan, akan terdapat banyak galian² di-dalam-nya. Saya tidak-lah bersetuju mengatakan yang galian² di-Perak itu, barangkali Tuan Pengerusi sendiri pun tahu, tetapi yang saya perchaya bahawa berkenaan dengan lombong² ini, Menteri kita-lah yang lebih tahu di-situ daripada sa-belum dia menjadi Menteri sampai-lah sekarang ini, dia tahu sangat berkenaan dengan lombong ini. Jadi, saya rasa dalam masalah perlombongan di-Perak itu, dia boleh-lah selesaikan, tetapi berkenaan dengan masalah Kelantan, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak berchakap dan saya harap orang yang berkenaan pada masa yang akan datang, nampak-nya sudah ada kerjasama di-antara Kelantan dengan Kerajaan Pusat ini, dan hari ini pun ternyata bukti-nya terang kerjasama itu—chukup bekerjasama orang² ini di-dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kepala S. 56, muka 236 berkenaan dengan Jabatan Kajibumi. Saya tengok di-Sabah dan Sarawak, kerja² Jabatan Kajibumi ini amat pesat berjalan. Saya tidak tahu ada-kah negeri² itu kecil, maka chepat di-jalankan, atau pun negeri kita ini sudah di-jalankan dengan chepat-nya, tetapi sa-bagaimana yang telah kita mendapat pengakuan daripada Yang Berhormat Menteri Sharikat Kerjasama, kalau ta' salah saya, kerja² ini akan di-siapkan pada tahun 1967 dan di-masa itu dapat-lah kita menjalankan ranchangan²-nya dan dalam hal ini berkenaan dengan perkara itu, saya minta penjelasan daripada Menteri kita ini, ada-kah kerja² ini yang di-jalankan oleh Kementerian ini, atau pun oleh Kementerian lain, atau pun bersama, sebab saya nampak di-dalam pengakuan itu sudah sah—di-dalam pengakuan Menteri Sharikat Kerjasama itu sudah sah akan di-siapkan, tetapi di-dalam Kementerian kita yang berkenaan ini maseh menuju kepada satu perchubaan—experiment, jadi saya minta-lah

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji

Jawi: Tuan Pengerusi, apa yang di-chakapkan oleh Yang Berhormat itu, dia ta' sebutkan nama kerja—apa kerja itu?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jabatan Kajibumi, ia-itu yang mengkaji kedudukan tab'i tanah kita, sama ada benda itu layak bagi di-lombong, atau perusahaan dan bermacam², dan saya nampak peruntukan ini tidak boleh siap, sedangkan Menteri yang lain mengatakan boleh siap dalam tahun 1970. Saya tidak tahu, oleh kerana Kementerian ini tidak ada Menteri Muda-nya, maka di-transfer kerja itu kepada Menteri lain. Ini saya minta penjelasan kemudian.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara ini juga, satu perkara yang barangkali orang pandang tidak begitu mustahak di-sebutkan, tetapi di-Perak ada satu tempat bernama Salak North—Salak Utara, ia-itu bukit yang tinggi. Sekarang ini di-pechahkan batu bukit yang tinggi itu. Ini, Tuan Pengerusi, di-dalam kita mengkaji bumi ini, apa-lah mustahak-nya negeri kita ini, di-tempat yang macham ini di-biarkan kepada kaum capitalist untuk meruntuhkan batu² itu dengan menghilangkan kechanteakan alam kita di-situ, pada hal bukit itu kita nampak bukan main chantek apabila kita datang. Kalau hendak ambil batu, banyak lagi ada di-tempat² lain dan mengapa di-pechahkan di-situ, dan ini tentu-lah lain daripada situ untuk mengambil batu² itu, mungkin ada sesuatu yang di-maksudkan di-sabalek itu, dan saya fikir ada mempunyai lombong² yang berharga sa-lain daripada sa-mata² memecahkan batu, dan saya perchaya Menteri kita ini pun datang daripada Perak, dia boleh menyiasat dan membuat kenyataan, kalau boleh.

Tuan Pengerusi, akhir-nya di-dalam Kepala S. 58, muka 246 berkenaan dengan Mergastua. Saya tertarek hati dengan ucapan saudara saya, Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara tadi supaya kita banyak lagi menyiasat berkenaan dengan binatang² dan burung². Saya perchaya berkenaan dengan burung² dan binatang² yang di-maksudkan di-sini, boleh jadi binatang² liar sahaja—tidak binatang² yang ada di-dalam ini, dan saya dapati di-Kuala Krai, di-negeri Kelantan sana ada satu—sa-olah² nama musim hendak kita katakan dan di-situ ada banyak

binatang² liar dan burung² yang sudah di-tangkap yang boleh menolong Kementerian kita ini di-dalam menyiasat binatang² itu. Saya dapati bukan sahaja binatang² itu boleh memberi gambaran kepada hasil hutan kita di-dalam negeri kita ini, di-dalam Malaysia kita ini, tetapi binatang² itu mempunyai zat² yang boleh menambahkan perubatan. Mengikut cerita orang² yang berkenaan itu dan pegawai² Kerajaan, ia-itu ada macham² burung dan kambing² serta kijang² yang kita tidak biasa tengok selalu ada. Ada pun bentuk dengan membawa binatang² daripada luar daripada Afrika dan begitu bagini, di-negeri luar yang sesuai iklim-nya dengan negeri kita di-sini. Kalau-lah Kementerian kita ini hendak menjalankan perkara itu, saya minta-lah supaya jangan lupa membawa sa-jenis kuda yang di-namakan Kuda Belang, nama-nya Zibra, sebab Zibra ini menurut cerita-nya, Tuan Pengerusi, mempunyai tabi'at yang patut di-kaji, ia-itu berasal daripada unta, kuda dan keldai, jadi datang daripada tiga jenis—alliance, dia bersatu dan melahirkan Zibra. Jadi, kalau kita bawa tabi'at itu, kita boleh juga membuat penyiasatan dan letakkan di-dalam Taman Negara kita sa-bagai satu contoh.

Ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang telah dapat saya chakapkan, dan saya ucapkan terima kaseh.

Enche' Mohamed Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu sa-belum saya men-champori di-dalam Anggaran Kementerian Tanah dan Galian ini, saya suka-lah menyampaikan dan minta ma'af kepada Tuan Pengerusi kepada perkara yang telah berlaku pada tempoh hari, kerana saya tidak mendengar arahan daripada Tuan Pengerusi sendiri.

Di-dalam membahathkan perkara S. 52—memetek dalam ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dengan mengadakan Pindaan Undang² Tanah, saya tidak mendapat penjelasan dari Undang² Tanah ini sama ada termasuk semua Undang² Tanah yang ada pada hari ini akan di-kaji sa-mula, atau pun sa-bahagian daripada Undang² Tanah itu hanya di-kaji sa-mula.

Umpama-nya, Land Rule, Land Code, Land Enactment dan sa-bagai-nya, tetapi sudah sa-wajar-nya-lah, Tuan Pengerusi, segala²-nya itu patut di-baharuⁱ mengikut kehendak² keadaan negara kita yang telah merdeka dengan sa-penoh-nya supaya mensesuaikan segala perjalanan kita berkenaan dengan tanah. Saya suka mengshorkan atau memberi pandangan dalam beberapa perkara berkenaan Undang² Tanah ini ia-itu satu daripada-nya ia-lah geran² yang di-keluarkan di-seluruh Tanah Melayu yang berasingan di-dalam tiap² negeri. Ini telah pun di-nyatakan oleh Yang Berhormat Menteri akan di-samakan, tetapi ada satu perkara yang merunsingkan saya di-sini ia-itu ia-lah Geran Puteh dengan Geran Merah—Geran Puteh bebas, tetapi Geran Merah terhad ia-itu khas kepada orang Melayu sahaja. Sa-bagaimana yang di-sampaikan oleh Wakil Yang Berhormat dari Sungei Patani ia-itu apabila di-dengar Geran Merah sahaja, maka segala hasil yang di-angap oleh tuan yang punya itu lari-lah, lebeh² lagi di-dalam kemajuan yang kita hadap pada hari ini satu² perusahaan yang dapat dan telah pun kita pandang pada hari ini letak-nya jauh daripada kawasan orang² Melayu. Jadi, oleh yang demikian orang² Melayu apabila berkehendakkan kemajuan dalam satu² perusahaan itu jauh panggang dari-pada api, oleh kerana geran merah ini tidak boleh di-pindah-randahkan atau di-tukar kepada orang yang bukan Melayu. Ini-lah yang merugikan sangat² kepada orang Melayu.

Saya beri mithal, Tuan Pengerusi, perkara yang telah berlaku ia-itu satu perusahaan telah pun hendak di-dirikan di-Klang ia-itu kawasan orang² Melayu di-Telok Gadong, tetapi kawasan itu termasuk dalam Kawasan Melayu, maka perusahaan itu dengan sendiri-nya pindah jauh daripada situ. Ini-lah chara yang merugikan kepada orang Melayu dan saya berharap Menteri yang berkenaan akan dapat menchari helah supaya dapat mengatasi perkara² itu dengan apa chara sa-kali pun.

Sa-lain daripada itu, berkenaan dengan Undang² Tanah Perlombongan, ia-itu di-hari ini kalau-lah satu² pelom-

bong itu memasoki 10-15 tempat sampai berbelas ribu ekar ta'kan habis di-lombong-nya dalam tempoh dan masa yang di-tentukan. Undang² yang sekarang ini membolehkan pelombong ini mengikat segala tanah² perlombongan-nya di-satukan dan melanjutkan masa-nya. Ini sa-chara monopoli, Tuan Pengerusi. Jadi, saya harap juga Kerajaan akan mengambil perhatian dalam perkara yang sa-umpama ini supaya kita dapat memberi peluang kepada orang² kita yang baharu hendak bangun.

Lagi satu perkara yang saya suka sampaikan ia-itu berkenaan dengan keadaan tanah yang mempunyai bermacam neka hasil. Apabila kita menyiasati, maka hasil² itu ta' dapat di-keluarkan oleh kerana kesempitan tempat dan kesulitan tempat. Jadi, saya berharap juga undang² itu dapat di-baiki supaya dapat mensesuaikan orang² kampong kita mengambil bahagian di-dalam perusahaan tanah yang tersebut.

Sekarang saya beredar kepada perkara S. 53 berkenaan dengan Rancangan Tanah Pinggir. Rancangan Tanah Pinggir ini, Tuan Pengerusi, ada-lah tanah yang telah di-kaji oleh Kajibumi yang boleh di-tanam dengan tanaman yang tetap mengeluarkan hasil yang tetap, maka baharu-lah di-keluarkan oleh Kerajaan untuk Rancangan Pinggir, tetapi kebanyakan tanah² yang sa-umpama ini apabila di-kaji oleh Kajibumi, maka tanah itu ada-lah tidak boleh di-tanam dengan tanaman² yang tetap sa-umpama getah, kelapa, kelapa sawit dan sa-bagai-nya, tetapi boleh di-tanam dengan halia, nanas, sayoran², tembakau dan lain². Apa yang saya hendak sampaikan di-sini, Tuan Pengerusi, supaya dapat Kementerian ini memandang kepada tanah² yang sa-umpama itu mendapat pertolongan kepada mereka yang hendak membuka tanah yang sa-umpama ini.

Kalau mengikut dasar tanah pinggir di-hari ini, kalau-lah tanaman² yang saya sebutkan tadi sa-umpama halia, tembakau dan nanas itu tidak dapat-lah bantuan daripada Kerajaan, kerana tanah itu kalau kita tidak kerjakan daripada sekarang tanah gambut ini

akan tidak dapat kita gunakan sehingga bila juga. Oleh yang demikian, dapat-lah Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian dan menyelidek perkara² yang tersebut.

Saya berpindah kepada perkara S. 54 berkenaan dengan Jabatan Galian. Dalam soal galian ini, Tuan Pengerusi, saya sa-bagai sahabat saya Yang Berhormat dari Sungei Patani tadi juga-lah keadaan-nya dan Undang² Galian ini juga-lah yang menyebabkan sa-bahagian daripada orang² kita yang chuba menyertai perusahaan² itu. Di-dalam menyertai perusahaan ini biasa-nya—saya tidak salahkan pegawai² di-dalam Jabatan Galian ini oleh kerana undang² atau pun peratoran telah menetapkan yang sa-demikian, tetapi harap-lah dikaji balek kerana soal pemohon apabila yang baharu meningkat naik sampai pertanyaan yang pertama sa-kali, ada pengetahuan atau belum dalam perlombongan ini. Saya agak ini sudah lewat, Tuan Pengerusi, kalau kita bertanya yang sa-demikian. Oleh kerana dahulu pun sa-belum kita merdeka—macham diri saya ini saya tidak pernah masok ka-dalam Dewan Yang Berhormat ini, maka kali ini saya telah masok dan saya dapat menchampori keadaan, dan demikian juga-lah dalam perusahaan yang demikian, Tuan Pengerusi, orang yang dahulu itu pun barangkali belum pernah dia chuba melombong, tetapi orang yang kemudian ini kita hendak tahu keadaan dan kemahiran-nya. Jadi, saya berharap keadaan demikian dapat di-ubah supaya dapat peringkat² yang baharu ini meningkat kepada peringkat yang kita kehendaki.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan lombong ini, Tuan Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan kawasan² orang Melayu. Dalam kawasan² orang² Melayu lombong di-hari ini yang telah bersama² kita dengar ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan: 6 di-Perak, 1 di-negeri Selangor yang dapat di-usahkan. Dalam perusahaan² ini orang² Melayu kita tahu-lah pinchang di-dalam segala segi dan kita kalau menguatkan kedudukan ini hanya-lah kepada orang Melayu sahaja yang kita akan berikan. Ini-lah satu kepinchangan, kerana kita pada hari ini akan menjalankan perusahaan yang

tersebut. Apa yang saya berikan pandangan di-sini, Tuan Pengerusi, supaya dapat di-champorkan—di-champorkan orang² yang belum pernah membuat kerja ini dengan orang yang sudah mahir membuat pekerjaan itu supaya dapat mereka menerima pelajaran saimbang keadaan dan taraf kedudukannya.

Saya pergi kepada S. 55 berkenaan dengan Jabatan Ukur. Saya rasa Juru Ukur ini terletak-lah kepada segala segi yang kita hendak buat dalam negeri ini seperti pembangunan dan apa juga. Jadi, apabila saya tatap di-dalam Butiran (17) Juru Ukur ada 34 orang sahaja, Tuan Pengerusi. Saya agak kalau 34 orang ini pembangunan negara kita yang ada bagitu chepat perjalanannya ta' dapat kita menjalankan segala ranchangan kita: lombong hendak di-ukur, ranchangan pembangunan hendak di-ukur, F.L.D.A. hendak di-ukur, Kerajaan² Negeri hendak memberi tanah hendak di-ukur, tetapi kita hanya ada 34 orang sahaja. Saya harap Menteri yang berkenaan akan dapat menimbangkan supaya ditambah lagi Juru Ukur ini supaya melaksanakan kerja² kita yang tergendala pada hari ini.

Sekarang saya chuba-lah pergi kepada perkara S. 56 berkenaan dengan Jabatan Kajibumi. Di-sini-lah daripada tempoh hari berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama saya telah menyampaikan dan menyuarakan perkara ini, maka saya harap Jabatan Kajibumi ini sa-benar² mengkaji bumi bagaimana kaedah yang di-kehendaki pada hari ini supaya tidak dapat melewati segala permohonan² tanah yang di-kemukakan kepada pehak Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini.

Kerana kalau kita kaji di-dalam Kajibumi ini banyak-lah mengaitkan di-antara satu dengan lain. Kalau tanah itu tidak dapat di-gunakan sa-bagai hendak di-tanam getah, apa pula yang boleh di-tanam? Itu satu muslihat, Tuan Pengerusi. Sa-lain daripada itu berlaut-lautan tanah kita hari ini telah di-lombong hanya tinggal pasir puteh sahaja hari ini. Boleh-kah tidak Kajibumi ini menchari bahan², boleh-kah dapat chara memuleh dan menggunakan tanah lombong yang melaut²

banyak-nya di-dalam negeri kita ini yang tinggal begitu sahaja? Umpamanya kalau kita merayau dan merantau di-tiap² pelusok tanah yang telah di-lombong ini ada juga tanaman² yang boleh kita gunakan—yang boleh di-tanam, umpama-nya tebu. Tebu boleh hidup dalam pasir, tetapi apabila pemohon mendatangkan permohonan-nya kepada Kerajaan Negeri hendak bertanam yang demikian, tidak di-bolehdan kerana tanah lombong ini mendukung keadaan ini, Tuan Pengerusi, dan saya berharap kepada Menteri yang berkenaan dapat mengatasi perkara² yang sa-umpama ini.

Saya beralah kepada S. 57 berkenaan dengan Hutan. Perhutanan ini saya rasa ada-lah mendatangkan satu hasil yang besar kepada negeri kita dan ini sangat di-alu²kan, tetapi apa yang saya suka memberikan pandangan kepada Menteri yang berkenaan ia-itu chara mengeluarkan hutan² ini kepada yang berkehendakkan hutan. Pada masa yang telah lampau ada-lah hutan² ini di-untokkan kepada satu² perusahaan di-dalam satu² kawasan. Satu² kawasan dan satu² tempat hutan yang boleh di-tebang dan boleh di-gunakan ia-itu mencapai 70 tahun umur-nya. Di-dalam satu perusahaan mengeluarkan kayu balak dan sa-bagai-nya ia-lah di-anggarkan macham compartment “A” dan compartment “B”, compartment “C”, compartment “D”, jadi perusahaan satu itu sahaja-lah akan mengelilingi di-dalam segala kawasan yang tersebut, kerana satu compartment itu berpindah kepada satu compartment, dia pindah kepada satu compartment hingga balek kepada compartment “A”—itu mencapai 70 tahun bagi satu perusahaan sahaja. Jadi, ini juga merupakan satu monopoli, ini supaya dapat di-atasi.

Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya di-ubah sedikit keadaan yang demikian supaya membolehkan dan membanyakkan lagi orang² yang menchampori di-dalam perusahaan tersebut.

Berkenaan dengan S. 59, sahabat saya daripada Lipis tadi telah menyampaikan begitu banyak, tetapi ada sedikit sahaja saya hendak sambong.

Di-dalam menggalakkan mereka untuk berchuchok tanam, jangan-lah di-ikutkan sangat bagaimana kehendak mereka berchuchok bertanam di-hari ini di-mana dia hendak di-situ-lah dia buat. Saya memberikan chontoh sa-bagai yang telah di-jalankan oleh Jabatan Orang Asli di-Tanjong Sepat yang mana mereka telah bertanam kopi dengan kelapa yang begitu baik, tetapi apabila, peratoran—chara bertanam ini betul² di-ajarkan kepada mereka dan mereka nampak sa-chara terator, chantek, berseh, maka mereka sendiri tidak mahu berpindah randah lagi. Saya agak kalau chara berchuchok tanam ini di-berikan peratoran yang di-kelolakan oleh Pejabat Pertanian kepada orang² asli ini, ini akan lebih menambahkan kesukaan mereka itu menetap dan berkediaman pada satu tempat itu, tidak berpindah² lagi. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Hamzah bin Alang (Kapar):

Saya ucapkan terima kaseh banyak, Tuan Pengerusi. Dalam mengambil bahagian berchakap berhubung dengan peruntukan Kementerian ini, nombor satu saya suka menyentuh S. 56—Kajibumi; ini pendek² sahaja, Tuan Pengerusi. Kajibumi ini bagaimana yang telah di-nyatakan oleh wakil Kuala Langat tadi tetapi pada saya satu, kita telah mendengar pada tahun 1962 dahulu, tahun 1961 juga ada pakar² khas di-bawa ka-Tanah Melayu ini kerana mengkaji berhubung dengan keadaan soil tanah kita boleh pakai ta' boleh pakai, tetapi apa yang terdapat 18 degree tidak boleh pakai. Ini saya fikir kita bawa datang ka-mari, kita bagi gaji, banyak elaun, tanah kita tidak boleh pakai dia kata, ra'ayat mengelapu hendak menchari tanah—18 degree tidak boleh pakai.

Satu chontoh saya suka sebutkan, di-Bukit Kapar di-sana mula² 18 degree kata Menteri Besar—yang dahulu-lah bukan yang sekarang ini—tidak boleh pakai. Saya kata boleh pakai Dato', chuba bagi. Di-bagi-nya. Di-tanam ra'ayat. Sekarang bagus sahaja 18 degree lebih 20 degree bagus sahaja hidup, hasil ubi bagus, jagong bagus, tanam getah bagus. Jadi saya fikir dalam soal tanah kadang² kita

tertipu juga—orang² ini ada juga di-katakan pakar², tetapi dia sahaja tidak memberi chan kepada ra'ayat hendak membuka tanah dengan lebeh luas. Jadi saya rasa harus-lah di-timbang-kan sa-mula tentang 18 degree ini kalau tempat yang sesuai boleh kita lebehkan lagi. Sebab kalau saya pergi keluar negeri, saya nampak gunung orang tanam padi, orang tanam pokok² semua bagus hidup, hijau sahaja, tetapi di-Tanah Melayu tidak boleh—18 degree tidak boleh, kalau tanah batu tidak boleh-lah, kalau tanah itu, saya fikir boleh-lah.

Perkara S. 57 berhubung dengan Jabatan Hutan, saya minta ma'af-lah kepada Menteri yang berkenaan ini kerana saya dalam Jabatan Hutan ini saya champor lama sudah saya rasa tentang perjalanan-nya baik, tetapi Menteri ini baharu dalam perkara ini. Saya hendak tolong² khabar sahaja-lah. Dalam Jabatan Forest ini ada saya nampak muka 240 ini Butiran (1) Pemelihara Hutan dan berikut-nya yang lain. Apa yang saya sebutkan di-sini supaya Jabatan ini di-tadbirkan dengan sabberapa baik, kerana hasil kayu boleh jatuh nombor 4 dalam Tanah Melayu ini di-bawa keluar negeri, tetapi kalau chara pentadbiran-nya bukan tidak baik, tetapi di-antara satu Jabatan dengan satu section yang lain dalam Forest ini tidak ada satu teamwork bekerja. Ini yang saya perhatikan dan ini kalau dia hendak nafikan boleh juga tetapi saya tahu rahsia di-dalam itu—saya tahu. Orang S.F.O. kata D.F.O., D.F.O. kata Timber Inspector—macham² tidak ada jadi satu teamwork. Jadi apa yang saya maksudkan; kayu ada juga keluar² juga, jadi apa saya maksudkan supaya Jabatan ini satu teamwork bekerja walau pun dia Forest, walau pun dia Merinsky Forest, walau pun dia D.F.O., walau pun dia S.F.O. walau pun dia entah apa lagi nama-nya saya tidak tahu, tetapi dia biar-lah satu kerja teamwork, kalau tidak betul sehat menasehat, jangan tudoh menudoh di-antara satu dengan lain. Itu kita buat macham system Jepun dahulu, meja ini saya besar, mejar itu dia besar. Jadi, tidak ada mendatangkan faedah kepada kita. Sedangkan kayu ini kalau kita tidak

berhati² benar, saya rasa, kayu sekarang sudah naik sampai \$110 satu tan, kayu meranti-kah entah apa-kah, bagitu-lah lebeh kurang. Jadi saya rasa harus-lah Menteri yang berkenaan mengambil perhatian atas perkara ini.

Satu perkara lagi berhubung dengan kayu ini, Tuan Pengerusi, di-sabelah daerah Kuala Langat dan Klang, ada satu Compartment 73—Forest Reserve, telah menjadi padang jarak padang tekukur. Forest Reserve ini entah siapa mengeluarkan orders supaya Forest Reserve itu di-potong dan ini tidak usah di-chuba nafikan. Compartment itu di-belakang rumah saya, Tuan Pengerusi, Compartment 73 ini di-belakang rumah saya sahaja. Perkara ini sudah lama. Jadi yang boleh di-keluarkan, di-potong kayu bakau itu untuk membuat jaja ambai atau membuat junjong sireh atau sa-bagai-nya—di-jual tanah² Kerajaan. Tetapi kalau sudah Forest Reserve, orang Forest Reserve suroh potong, kita tidak tahu hendak buat apa. Orang² yang menjaga hutan Forest Ranger yang biasa itu, orang tunjukkan permit potong kayu², kata-nya, “Ai, ini apa fasal pula, ini Forest Reserve.” “Ah! Kata tuan suroh potong, potong-lah, apa boleh buat.” Jadi perkara ini, kalau dapat, jangan berlaku lagi-lah, Tuan Pengerusi, sebab kalau di-potong Forest Reserve itu tidak ada kayu lagi, habis-lah. Kalau kayu sudah tidak ada, menjadi laut-lah daerah sa-belah Kapar itu.

Bagitu juga lesen² mengambil kayu bakau ini, kalau dapat, Jabatan ini melebehkan sedikit orang Melayu yang mempunyai lesen. Sebab saya ketahu² ada 9 orang Melayu yang mempunyai lesen mengambil kayu bakau, tetapi orang bukan Melayu 91. Jadi entah berapa per cent chuba-lah fikir. Itu pun kalau meminta hutan, tidak ada kosong, minta sana tidak ada kosong. Betul, memang hutan tidak ada kosong tetapi kayu ada juga keluar.

Perkara S. 58—Mergastua. Kadang² perkara ini kita ketawa pun ada, Dato' Pengerusi, masa yang di-untokkan orang boleh menembak, kita tembak. Binatang² buas di-dalam hutan kita tembak, tidak boleh. Tetapi kalau ada

orang kampung mengadu mengatakan harimau di-sana menganas, panggil Mergestua, tembak—mampus! Gajah di-sana menganas, panggil Mergastua, tembak—damm—mampus! Dia tembak ta' apa, boleh, orang kampung tembak tidak boleh. Kalau churi tembak tidak apa. Jadi apa yang saya maksudkan, binatang² ini kita hendak pelihara sa-bagaimana kata sa-orang Ahli tadi, kita hendak pelihara dia walau pun dia binatang buas, kalau kita tidak usek dia, dia tidak usek kita. Umpama-nya macham harimau, dia takut api nombor satu, kalau dia nampak orang pun kalau orang itu bawa api, dia takut. Jadi kita pelihara binatang buas juga, kita hendak pelihara dalam hutan yang besar itu. Jadi kalau ada orang² kampung yang mengadu panggil Mergastua mengatakan ada binatang² mengachau kebun orang, gajah umpama-nya chari satu chara yang lain supaya binatang ini tidak di-tembak, di-halau sahaja atau apa²-lah yang lebih baik, saya fikir, tangkap dia, taroh dia dalam jail 6 bulan atau berapa lama-kah, taroh di-tempat lain, hukum dia fasal dia sudah makan kambing dan sayor²an. Bunoh tidak usah, kasehan.

Sekarang berhubung dengan S. 49—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya mengingatkan tahun 1959 dahulu, saya mengatakan—orang Raub pun ada di-sini—supaya orang asli ini jangan kita pertuntunkan. Ini bila datang orang² dari luar negeri, mana di-bawa? Senoi Praak, nun dekat Gombak, tuntunkan pada orang ramai. Jadi saya fikir, kalau dapat, perkara ini jangan kita buat lagi, Tuan Pengerusi, sebab orang² asli ini pun jenis manusia yang tahu malu dan sa-bagai-nya. Ini harus kita tidak lakukan; kalau tidak di-lakukan, terima kaseh banyak-lah.

Chuma berhubung dengan hendak mengislamkan orang asli. Kita tidak boleh memaksa, “Hai! kau mesti masuk Islam.” Tidak boleh paksa, tentang ugama kita tidak boleh paksa, walau apa bangsa sa-kali pun. Tetapi ikhtiar ada, saya rasa. Orang² pengembang Christian sekarang yang ada di-dalam Tanah Melayu kita ini, dia pergi masuk champor dengan orang asli itu, dia

lecture begitu dan bagini, tetapi mana dia pengembang² shi'ar Islam, mana dia dalam negeri ini, terutama-nya orang² PAS yang chintakan ugama Islam, mana dia? Itu kerja yang lebih mustahak lagi daripada kita menetok² meja di-sini. Itu dapat pahala, itu pahala amal jariah yang paling baik sa-kali kita mengislamkan satu² orang. Tetapi bukan paksa—dengan chara di'ayah. Kita ada dengan Persatuan Islam sekarang ini yang di-ketua' oleh Enche' Mubin Sheppard, saya pun tidak tahu, tetapi apa dia buat, orang² yang sudah memelok ugama Islam hendak di-ajar-kan Islam, orang² yang sudah tahu Sifat 20 dan sa-balek-nya. Sudah tahu hal ehwal Islam hendak di-ajar Islam, yang belum tahu itu ajar dia, lateh dia, bagi dia propaganda, buat hand-bill, pamphlet dan sa-bagai-nya. Ini kebenaran Islam. Baharu-lah dapat menarek orang² asli itu kapada Islam. Tetapi kalau kita hendak paksa, “Mesti awak berugama Islam”, itu saya pun tidak mahu, paksa tidak ada mendatangkan faedah yang baik.

Sa-takat itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, saya menyokong dengan penoh-nya bahawa Anggaran Belanjawan Kementerian ini yang berjumlah \$21,623,301 dan saya suka hendak sentoh dalam S. 53 muka surat 220.

Tuan Pengerusi, dalam S. 53—Sijil Tanah. Sangat menarek di-atas hal² di-dalam kawasan bandar² yang besar ia-itu tanah² yang mana ra'ayat hari ini sangat-lah berhajat kapada tanah untuk berchuchok tanam, untuk mendirikan bangunan rumah dan membuat perniagaan dan lain²-nya. Jadi saya rasa dukachita dan menarek perhatian kapada Kementerian ini ia-itu dalam bandar besar², tanah² yang tidak di-usahakan itu, saya chontohkan bagaimana dalam bandar Kuala Lumpur sendiri, ia-itu tanah² di-Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, yang tidak di-usahakan mengikut pendapat saya dan fahaman saya bahawa tempat itu, boleh jadi untuk di-simpan sarang nyamok dan tanah itu di-pump dengan

tujuan hendakkan tuan² tanah ini mengambil untong yang tinggi. Jadi, saya suka mengshorkan kepada pehak Kementerian supaya mengishtiharkan di-atas tanah² ini untuk menaikkan hasil yang sa-tinggi²-nya supaya tanah² itu dapat di-gunakan, sa-kurang²-nya untuk membuat rumah dan untuk memberi peluang kepada ra'ayat jelata yang dahagakan tempat² perniagaan yang sa-umpama itu. Kalau harga ini mahal, kalau chukai di-naikkan oleh Kerajaan ini mahal, maka tuan² tanah itu tentu-lah dengan serta-merta dan dengan segera-nya membuat bangunan² di-tempat yang tersebut, kalau tidak hendak-lah di-jual dan di-beri peluang kepada orang² yang mampu menggunakan tanah² yang tersebut. Kerajaan pun akan dapat-lah hasil di-atas tanah² yang saya sebutkan tadi, khas-nya sa-bagaimana chontoh yang saya sebutkan di-bandar Kuala Lumpur ini, bahkan beberapa bandar di-tempat² lain lagi di-dalam tanah ayer kita ini.

Tuan Pengerusi, berbalek kepada tanah lagi yang saya sebutkan, ia-itu ra'ayat dahagakan tanah. Saya dengan sukachita-nya hendak mengadakan hal ini kepada Kementerian yang berkenaan, ia-itu tanah di-kawasan saya sendiri, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kampar mengatakan hendakkan tanah, tetapi di-kawasan saya sendiri ada mempunyai sa-bidang tanah yang luas, ia-itu sa-luas dua puluh ribu ekar lebeh kurang. Jadi, tanah itu, ra'ayat di-dalam kawasan saya itu, ia-itu berhampiran dengan kolam Bukit Merah dalam Jajahan Krian berkehendakkan, mengadu barangkali kepada Ahli Yang Berhormat sa-malam sa-bagai Wakil Ra'ayat, selalu-nya masaalah yang saperti ini ada-lah satu masaalah yang terlalu rumit. Jadi, beribu², beratus² permohonan tiba, tetapi tanah yang ada di-kawasan saya sendiri yang sa-luas dua puluh ribu ekar itu patut-lah pehak Kementerian ini mengambil perhatian dengan membenarkan, meluluskan, kepada ra'ayat, lebeh² lagi di-dalam kawasan saya ini khas-nya dan dalam kawasan² yang lain juga tentang masaalah kekurangan tanah, masaalah kawasan sesak, kawasan sempit. Jadi, tanah itu boleh-lah di-gunakan untuk

bertanam tebu, tanam kelapa sawit, tanam padi dan lain²-nya, tetapi boleh jadi tanah itu akan hendak di-buka. Saya rasa tanah yang berhampiran dengan kolam, kalau di-sukat, atau di-siasat dengan halus-nya tanah itu, akan memakan belanja yang besar, sebab tanah itu tenggelam sadikit untuk hendak menchari saloran ayer bagi membuang ayer supaya dapat-lah tanah itu di-gunakan untuk tanaman yang tersebut. Jadi, di-samping itu, ada tanah pinggir di-tepi kawasan² yang saya sebut sa-luas dua puluh ribu ekar; tanah itu telah di-gunakan dengan T.O.L.—sudah lama, berpuluh² tahun dahulu telah di-gunakan kepada orang² di-luar bandar untuk di-gunakan bagi tanam padi, di-tanam buah²an dan lain².

Tanah itu telah beberapa kali di-buat rayuan kepada Pegawai Daerah dan kepada pehak Negeri supaya di-beri geran, atau taraf A.A. kepada tuan² tanah ini. Jadi, ini-lah, Tuan Pengerusi, saya rasa pendek sahaja yang saya hendak menyatakan di-dalam Dewan yang mulia ini dalam bahagian Kementerian ini, dan saya harap dapat-lah perhatian yang berat—yang pertama tadi tanah yang ta' di-gunakan di-dalam bandar² yang besar, yang kedua-nya tanah yang ada di-dalam kawasan saya. Terima Kaseh.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dua perkara sahaja di-dalam Kementerian ini. Satu perkara berkenaan dengan Undang² Tanah, yang kedua berkenaan dengan Orang Asli. Perkara yang patut di-perhatikan oleh Kementerian ini ia-lah berthabit dengan tanah² yang di-punyai oleh orang² Melayu, kalau kita tidak pinda, atau tidak ubah, atau tidak baiki daripada sekarang, saya rasa sampai kiamat pun orang² Melayu yang mempunyai tanah, ta' akan boleh menyaingi ekonomi orang² lain.

Di-Melaka, saya chontohkan, kerana saya tidak tahu keadaan di-tempat lain—orang² Melayu yang mempunyai tanah, dia mendapat geran yang bernama E.M.R. dan harga tanah² ini, mengikut nilai sa-sama sendiri sahaja yang sekarang ini pun dengan tidak

sa-tahu Kerajaan, harus barangkali ada yang mahal, ada yang sampai \$2,000 satu ekar, atau \$3,000 satu ekar di-kawasan² yang di-jual daripada orang² Melayu kepada orang² Melayu. Undang² ini telah di-buat semenjak sa-belum kita merdeka lagi. Apabila saya kaji dalam hal ini, akhir-nya orang² yang mempunyai tanah yang chorak sa-bagai E.M.R. ini, boleh jadi papa, kerana tanah ini, kalau hendak di-jadikan tanah ini sa-bagai satu mata pencharian, atau hendak menghidupkan, hendak menambahkan, atau hendak menjadikan tapak permulaan, hendak menchari kehidupan, atau hendak membesarkan kehidupan kita—ta' boleh. Ada tanah yang dudok-nya di-dalam pekan, hendak di-dirikan rumah batu—ta' boleh, terikat. Dia boleh dirikan rumah Melayu sahaja, rumah untuk dudok, kadang² dia boleh mendirikan rumah sa-chara sementara yang di-buat dengan kayu. Jadi, dalam satu tempat yang sama, umpama-nya di-dalam kawasan satu pekan, pekan Masjid Tanah, Alor Gajah, atau tempat² lain—pekan² ini makin membesar. Orang² Melayu makin kunchup. Orang² yang mempunyai hak tanah yang sa-macam ini, kerana ta' boleh hendak mendirikan rumah, ta' boleh mendirikan apa, ta' boleh ini dan itu—saya bersetuju berkenaan dengan satu sahaja di-dalam hal E.M.R. ini, ia-itu hak milek ta' boleh di-tukarkan kepada orang asing—saya bersetuju. Ini satu langkah yang baik, yang patut kita ikuti daripada dahulu, tetapi isi-nya banyak saya ta' setuju; boleh tanam pokok nangka, pokok chempedak sahaja—apa hal-nya kalau hendak di-dirikan rumah, rumah di-sini ia-lah rumah batu—S.G. geran besar, kalau orang Melayu kata geran besar, di-sini E.M.R. Rumah ini rumah papan, orang boleh mendapat sewa 20×40 kaki—\$100 satu bulan, sedangkan dia mendapat sewa \$15 satu bulan; hendak gadai-kah, hendak di-apa pun ta' boleh.

Jadi, ini-lah benda yang patut di-rombak sa-mula untuk menaikkan taraf hidup. Kita kata hendak jaga hak istimewa orang Melayu. Kalau kita tidak ubah chara yang boleh mendatangkan sama dan boleh naik besok, sampai bila pun kita tidak boleh maju. Jadi, dalam hal membuat Undang²

Tanah Kebangsaan yang hendak di-samakan di-antara tiap² Negeri, saya rasa ini-lah benda yang patut di-perhatikan. Saya tidak hendak berchakap lain berkenaan dengan tanah di-Melaka, tanah di-Melaka ini luas-nya 720 batu persegi dan sudah banyak dibuka, jadi tidak ada benda yang saya hendak chakap. Saya hendak chakap perkara lombong dalam Kementerian ini tidak ada peluang.

Saya harap ini-lah dia patut daripada sekarang ini kita buat pembaharuan menaikkan taraf hasil atau ekonominya dalam hal E.M.R. ini sa-embang dengan keadaan yang ada sekarang ini. Saya tidak mahu-lah kalau kita siasat sekarang dalam kampung, siapa yang mempunyai tanah E.M.R. ini walau di-tepi jalan raya pun rumah batu tidak boleh di-dirikan. Jadi, apa benda hendak di-buat? Orang menghasilkan beribu ringgit atas tanah-nya, kita chuma dapat tanam pokok chempedak, nangka dan rambutan. Rambutan kadang² sa-tahun sa-kali dapat-lah \$300-\$400 hasil-nya, tetapi orang lain dapat sa-bulan \$200-\$300 dengan tanah yang macham itu juga yang di-kenal dengan nama S.E. Tentang hasil atau chukai daripada Kerajaan itu saya rasa tentu-lah pehak kita boleh menimbangkan chara yang menasabah kalau hendak di-bandingkan dalam hal ekonomi kita.

Sekarang saya beraleh kepada S. 59 berkenaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya rasa nama orang asli patut di-ubah. Kalau kita kata orang asli sa-lama²-nya, saya rasa tidak ada peluang kita hendak baharu dan bawa kepada masyarakat kita kelak. Sekarang ini kita tahu di-Sarawak dan Sabah kita tahu native, kita tahu dengan nama yang lain daripada orang asli itu, jadi nama orang asli elok-lah di-ubah, kalau tidak janggal juga walau macham mana kita majukan dan bawa ka-tengah. Kalau kita kenal dengan nama orang asli ini pun saya rasa tentu berbeza juga keadaan-nya.

Yang kedua, saya nampak dalam tempat saya, orang asli ini tidak banyak, tetapi ada juga sedikit² ia-itu di-sempadan di-antara Negeri Sembilan dengan Melaka. Kawasan saya itu ada

orang asli, tetapi mereka suka hendak pindah. Satu benda yang saya nampak yang patut hendak di-buat supaya hendak mengikut mereka ini biar terikat betul²—ranchangan hendak ajar berchuchok tanam itu orang kata sudah “too late” atau sudah lewat sangat, sekarang itu bukan zaman itu lagi—kita mahu betul², kita beli estate, kita tempatkan mereka di-situ dan suruh mereka menoreh getah, mereka tidak perlu lari ka-mana lagi, maka baharulah kita boleh dirikan sekolah dekat dengan kampung-nya. Kalau kita suruh mereka bertanam, mereka ada 50-60 keluarga, kita hendak buat sekolah pun tidak memadai dan hendak hantar guru pun tidak menasabah kalau anak mereka ada 12 orang atau 13 orang. Apa salah-nya kita buat sekarang? Kita hendak majukan dan hendak menarek mereka supaya tidak lagi menjadi orang asli, tetapi sama macham kita juga pada masa akan datang. Kita beli satu estate, ada berapa ribu orang asli yang berhampiran betul dengan kampung kita supaya mereka betul² tidak mahu lagi balek ka-tempat-nya dan tidak risau tentang mata pencharian-nya sudah tetap. Kalau kita boleh memberi orang ranchangan tanah F.L.D.A. 10 ekar satu kelamin, kenapa kita tidak boleh untukkan 5 ekar barangkali satu kelamin yang sudah boleh di-toreh sebab jangan mereka jemu pandang anak getah kechil nanti mereka pergi menyumpit balek, jadi beri getah yang boleh di-toreh, kerana mereka ini sedikit sahaja. Kalau kita tidak buat langkah yang berani macham ini saya rasa lambat dapat kita memajukan mereka ini.

Jadi, ini-lah shor saya kalau dapat di-pandang oleh Kementerian supaya menyegerakan menarek mereka itu. Soal agama dan lain² itu soal yang nombor dua. Kalau mereka liar apa hendak sebut, mereka lari daripada kita. Kita bang mereka ada dalam hutan; apa kita hendak buat? Ajak mereka berkedai, mereka dengan chara-nya. Ini-lah langkah yang saya nampak ia-itu yang pertama rapatkan mereka ini dan mereka tetap dudok permanent di-sana dan dapat mata pencharian. Kalau hendak suruh beli baju anak-nya untuk bersekolah ada mata pencharian-

nya, dan tidak-lah di-tukar dengan rotan yang di-rayau sampai sa-minggu dua belum dapat lagi hasil-nya. Saya rasa ini-lah patut kita tinjau dengan chara yang progressive sedikit untuk membangunkan mereka ini. Terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap chuma sedikit sahaja berkenaan dengan Supply Head 55 ia-itu Jabatan Ukor, ia-itu saya ingin menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perasaan tidak puas hati yang ada di-antara orang² di-kawasan saya berkenaan dengan Jabatan ini. Perasaan ini timbul dengan kerana dalam Jabatan ini perkhidmatan-nya kepada orang ramai sangat-lah tidak memuaskan hati, ia-itu kadang² di-jalankan dengan chepat, tetapi lebeh chepat lagi perkara survey ini di-jalankan ter-sangat-lah lambat daripada pemandangan orang² di-sana. Saya ingin menerangkan satu contoh berkenaan dengan kerja yang di-jalankan oleh Pejabat Survey ini. Berkenaan dengan satu perkara merupakan tanah untuk menyerahkan tanah itu kepada Kerajaan. Maka tuan yang punya tanah itu telah di-beritahu oleh Pejabat Tanah ia-itu ia mesti-lah membuat survey baharu berkenaan dengan tanah-nya supaya sa-bahagian daripada tanah-nya dapat di-serahkan kepada Kerajaan, tetapi di-masa di-beritahu perkara itu pegawai itu juga memberitahu kepada orang itu ia-itu kalau perkara ini dia ingin membuat dengan chepat, maka lebeh baik lagi-lah tuan tanah itu menchari private surveyor. Kalau tuan tanah itu menanti supaya surveyor atau pun Juru Ukor Kerajaan menjalankan kerja ini akan memakan masa daripada sa-tahun sahingga 2½ tahun. Sa-lepas itu maka tuan tanah itu telah pun berusaha menchari private surveyor, tetapi oleh kerana upah yang di-tetapkan oleh private surveyor ini terlampau tinggi, maka terpaksa-lah orang ini bertanya balek kepada orang² yang berdekatan dengan Jabatan Ukor ini. Dan tuan tanah ini di-beritahu ia-itu ada chara kalau di-jalankan oleh tuan tanah ini, maka survey ini dapat di-buat oleh

Juru Ukur Kerajaan juga dengan masa yang pendek. Dan sa-tahu saya sa-lepas sahaja di-kira sa-chara ini, maka survey ini di-buat dalam satu hari sahaja, dan perkara itu selesai, dan akhir-nya dapat-lah tanah ini di-beri kapada Kerajaan.

Jadi, ini telah menimbulkan satu perasaan tidak puas hati, ia-itu sungguh pun di-katakan Juru Ukur ini selalu bekerja banyak dan tidak dapat menyelenggarakan kerja²-nya dengan chepat-nya, tetapi kalau tahu chara-nya maka pekerjaan itu dapat di-jalankan dengan chuma satu hari kalau di-bandingkan dengan anggaran mula-nya itu sa-tahun atau pun 1½ tahun. Ini telah menimbulkan perasaan ia-itu ada benda² yang tidak patut di-buat yang di-jalankan oleh Jabatan Ukur ini.

Saya ingin tahu ada-kah boleh supaya Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian atas perkara ini, ia-itu menetapkan berapa lama-kah patut satu² perkara itu di-jalankan oleh sukatan masa yang patut di-adakan bagi Jabatan Ukur ini menjalankan kerja-nya? Umpama-nya, kalau-lah perkara survey ini patut di-buat dalam pekan, maka beri-lah masa berapa lama—3 bulan, 6 bulan atau pun sa-tahun, atau pun perkara itu besar akan memakan masa sa-tahun atau pun dua tahun, tetapi mahu-lah di-tetapkan masa-nya. Jangan-lah pula satu perkara itu di-jalankan dengan chepat dan satu perkara lagi di-tahan sampai beberapa lama, dengan kerana kalau tidak di-hadkan masa yang patut kita jalankan satu² kerja, maka akan timbul-lah chara untuk bribery dan corruption di-jalankan di-dalam kerja ini.

Kalau-lah Jabatan ini tidak dapat menjalankan kerja-nya dengan sabberapa chekap yang patut, maka ini berma'ana ia-itu Jabatan ini tidak chukup kaki-tangan-nya, umpama-nya, tidak chukup juru teknik dan juru teknik rendah dan yang mana peruntokan-nya telah di-buat sa-banyak lebeh dari \$3 million. Ini-lah satu perkara yang saya fikir patut-lah Menteri Yang Berhormat mengambil berat.

Lagi satu perkara yang terjadi baharu² ini di-kawasan saya juga ia-lah berkenaan dengan ukoran tanah yang patut di-beri kapada satu gulongan orang di-satu mukim di-Kota Star. Tanah ini mula²-nya di-usahakan oleh kaum Siam tetapi mereka ini tidak mengusahakan dengan sa-penohnya dan mereka bersetuju ia-itu tanah ini di-bahagikan kapada orang Melayu di-situ sama juga. Tetapi sa-takat yang saya tahu, apabila kerja mengukor tanah ini supaya di-bahagikan kapada orang² di-situ di-serahkan kapada Jabatan Ukur, orang² yang pergi di-situ tidak menjalankan survey-nya di-dalam hutan rimba yang patut di-jalankan survey-nya, tetapi menjalankan survey-nya di-belakang basikal sahaja, ia-itu tidak masok sama dalam hutan chuma dudok di-belakang basikal, letak peta di-situ dan dia bahagikan kapada beberapa bahagian dan di-katakan bahagian ini untuk orang itu, bahagian ini untuk orang ini, dan akhir-nya yang timbul perasaan tidak puas hati di-situ ia-lah kebanyakan daripada tanah² ini di-beri kapada orang Siam sahaja, sungguh pun orang² Siam di-situ tidak mengusahakan dan telah mengaku ia-itu yang mana patut patut-lah di-beri kapada orang Melayu bersama. Jadi kerja yang sa-macham ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di-antara orang² di-kawasan saya dan saya harap-lah supaya Menteri Yang Berhormat menyiasat berkenaan dengan perkara ini dengan kerana saya di-beri tahu, ia-itu di-tempat ini batu tanda pun tidak ada tetapi peta dan plan semua telah di-beri kapada orang² yang memilek tanah sa-lepas mereka itu kata-nya di-jalankan survey, ini-lah sahaja terima kaseh.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil lapangan yang sedikit dan masa yang pendek di-dalam membicarakan Supply Head 53 yang ada di-hadapan kita pada pagi ini, kerana saya sa-memang-nya sedar ia-itu masanya sudah larut dan barangkali tidak berapa lama lagi Menteri Yang Berhormat yang berkenaan akan memberi jawapan-nya kapada soalan² yang

telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat.

Terutama sa-kali, Tuan Pengerusi, saya suka hendak membawa perhatian Rumah ini ia-itu di-dalam Lembah Kinta sa-memang-lah sa-bagaimana di-ketahui, ada beberapa banyak lombong² yang di-punya² oleh sharikat² daripada seberang laut yang telah bertapak beberapa lama-nya di-dalam negara kita, macham S.E.K., Anglo-Oriental, Malayan Tin dan sa-bagai-nya. Tetapi saya telah di-bagi tahu di-dalam beberapa masa yang tidak berapa jauh kebelakang ia-itu ada-lah banyak daripada bilangan sharikat² ini beransor² memberhentikan pekerjaan melombong mereka itu kerana konon-nya tanah-nya sudah kurang isi-nya dan juga tidak memberi keuntungan lagi kepada mereka itu. Maka dengan sebab pekerjaan yang sudah kurang, banyak-lah pekerja²-nya pun telah di-rentikan di-antara mana saya mengetahui ia-itu lebeh kurang 300 orang Melayu daripada kawasan selatan daripada Ipoh, Gopeng, Gunong Mesah dan sa-bagai-nya telah pun berhenti kerja dan putus harapan mendapat satu chara menchari kehidupan yang lain. Maka orang² yang berhenti ini telah pun meminta kepada Kerajaan lesen supaya dapat mendulang atau pun memelanda, kata orang Perak, bijeh² yang ada turun lagi—yang ada sadikit² itu kerana menchari sara hidup hari²-nya. Tetapi malang-nya saya telah di-beri tahu ia-itu lesen² itu tidak di-buka lagi—sudah di-tutup quota-nya, sudah tidak ada konon-nya. Jadi saya harap-lah ia-itu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menyelidik perkara ini supaya orang² yang miskin yang sudah berapa tahun-nya bekerja dengan chara melombong di-dalam sharikat² yang besar ini boleh menchari sara hidup dengan memanjangkan pekerjaan yang sa-macham itu juga tetapi di-atas lapisan yang kecil.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, saya suka-lah membawa ka-hadapan satu perkara yang telah pun di-bawa tadi ia-itu susah-nya kepada orang² Melayu yang sekarang terbuka lapangan di-dalam lapangan pergalian ini hendak melombong bijeh-lah, katakan, mendapat tanah, kerana sebab dia apabila di-hantarkan permintaan kepada pejabat

yang berkenaan, kalau tidak pun di-senyapkan, datang-lah surat menanya, ada-kah awak pengalaman di-dalam perkara melombong, kalau tidak ada pengalaman macham mana awak hendak melombong. Jadi saya perchaya tadi sudah di-sebutkan perkara ini, kalau sa-kira-nya tidak ada di-bagi peluang permulaan, tentu-lah tidak dapat kita hendak mengadakan apa juga chara yang membolehkan orang² Melayu itu mengambil bahagian di-dalam perlombongan di-dalam negara kita ini. Tetapi kalau sa-kira-nya orang itu sudah ada, mithal-nya, pengalaman di-dalam bahagian itu, walau pun bukan Melayu, dengan serta merta boleh dapat permintaan itu di-timbangkan dan barangkali apabila di-timbangkan dapat terus tanah itu.

Lagi satu perkara yang saya suka juga membawa ka-hadapan ia-itu ia-lah Pejabat Galian sa-memang-nya ada satu daripada chawangan-nya, chawangan siasat atau pun kajibumi yang mengetahui apa benda yang ada di-dalam bumi itu di-dalam tiap² kawasan di-serata negara, tetapi apabila kita sa-bagai orang Melayu bertanya kapada-nya boleh-kah pejabat itu bagi tahu kawasan² yang hendak di-minta itu, mithal-nya, ada berisi atau tidak mengandongi logam. Jawab-nya, “kami tidak boleh bagi tahu, kami chuma bekerja untuk Kerajaan bukan untuk awak”. Jadi macham mana-kah kalau sa-kira-nya orang² Melayu yang hendak memandu tangan di-dalam lapangan yang baharu sa-bagai melombong tanah, mithal-nya, hendak menchari modal yang banyak, hendak memboreng tanah itu pada hal perkara itu kalau sa-kira-nya dia bertanya Pejabat Tanah atau Pejabat Mining sahaja orang itu boleh kata, ta’ usah-lah minta tanah di-sini, ini tidak ada isi, diarahkan-lah pada tempat yang lain apa salah-nya, ini ta’ mahu chakap sama sa-kali. “Awak hendak buang awak punya modal, hendak pergi memboreng di-sana, buat kami tidak peduli”.

Jadi kalau sa-kira-nya-lah ada kasehan belas daripada Yang Berhormat Menteri kepada orang Melayu, bagi tahu mana yang ada isi di-sana bagi, bukan orang Melayu sahaja,

orang lain, kalau hendak pergi-lah tetapi bagi-lah peluang orang² Melayu itu jangan membuang wang pada memboreng tanah yang tidak berisi yang telah pun berlaku beberapa tempat didalam negeri Perak.

Yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, di-dalam Supplementary Bill, Kepala S. 59 berkenaan dengan orang asli dan ugama Islam. Saya juga suka mengambil bahagian sedikit, ia-itu saya mengetahui ada satu daripada badan yang telah di-dirikan di-dalam negara kita ini, sa-chara besar²an ia-itu hendak menyebarkan ugama Islam ini bukan sahaja kepada orang asli, bahkan juga kepada orang² yang bukan Islam semua sa-kali, tetapi malang-nya, di-dalam Negeri² kita ada 14 buah Negeri, dan tidak ada langsung tindakan yang hendak merapatkan orang² asli dengan orang² kita yang berugama Islam, dan saya percaya seperti mana sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara mengatakan tadi, kalau sa-kiranya tidak ada perhubungan yang rapat melalui ikatan ugama, barangkali payah-lah kita hendak menjadikan orang² asli itu masok ka-dalam masyarakat kita dengan erti kata yang sa-benar.

Saya percaya, ia-itu perkara ini adalah di-dalam perhatian bukan sahaja di-dalam perhatian Ahli² Yang Berhormat tetapi di-dalam perhatian badan yang saya telah katakan tadi, ia-itu Badan Kebajikan Islam sa-Malaya yang telah pun di-anjorkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sendiri, tetapi saya harap-lah juga dalam menyebarkan ugama Islam kita ini, tiap² Pejabat Ugama di-serata Negeri, mesti-lah mengambil tugas sa-bagaimana yang lalu, membawa dan mengawal orang² yang tidak berugama Islam itu, lebeh² lagi kepada orang² asli, kerana di-sini-lah tempat-nya yang boleh berkesan tentang pendi'ayah ugama Islam ini. Kalau kita masokkan kepada kumpulan orang² yang berugama Kristian tentu-lah susah, tetapi orang² ini, barangkali tidak begitu susah, kerana sekarang ini sa-bagaimana yang kita dapati orang² yang berugama lain—ugama Christian telah mengadakan missionary, menghantar, menarekan dengan chara pertolongan kepada

orang² asli—itu-lah yang dapat menjalankan pengaruh mereka itu bagi orang² yang sa-macam ini. Demikianlah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Mr Chairman: Masa-nya sudah sampai. Saya kata tadi pukul 12.30 kita hendak memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri menjawab, jadi saya tidak ada upaya hendak meng-controlkan time—saya tidak ada kuasa, chuma saya ada control peratoran—itu sahaja. Jadi, saya minta ma'af sekarang tidak ada lagi masa-nya!

Menteri Tanah dan Galian (Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, saya bagi pehak Kementerian menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah beruchap dan juga banyak daripada-nya ingat hendak beruchap lagi, barangkali hendak menyokong di-atas perjalanan dan tindakan yang dijalankan oleh Kementerian ini. Saya berasa shukor, ia-itu kebanyakan daripada Ahli² Yang Berhormat telah pun menaruh minat dan perhatian yang berat kepada Jabatan Orang Asli yang mana sa-bagaimana yang telah saya sebutkan dalam meshuarat yang lepas, orang² asli ada-lah tertinggal ka-belakang dan tidak di-hiraukan pada masa yang sudah² ini. Saya suka-lah mengambil peluang di-sini menerangkan, atau menjawab soal²an yang di-datangkan oleh beberapa orang Ahli² Yang Berhormat yang telah beruchap tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Langat telah mengemukakan soalan berkenaan dengan Kampong Sungai Macao. Sa-benar-nya perkara ini ada-lah di-bawah urusan Kerajaan Negeri, ia-itu mengeluarkan tanah lombong dan menempatkan orang² di-kampong²; sunggoh pun begitu, saya akan menyiasat perkara ini dan berhubung dengan Kerajaan Negeri.

Perkara yang kedua yang di-kemukakan ia-lah berkenaan dengan memba-nyakkan pengeluaran lesen mendulang, atau pun pas mendulang. Jadi, perkara ini, insha' Allah akan saya kaji sa-mula dengan pegawai² Merinyu Lombong yang ada di-tiap² Negeri.

Perkara yang ketiga yang di kemukakan-nya ia-lah untuk membawa masuk binatang² daripada negeri lain ka-dalam negeri ini, sa-umpama zibra atau pun kuda belang, kijang, rusa dan lain². Sa-benar-nya binatang² itu tidak dapat di-sesuaikan dengan keadaan hawa di-negeri ini, tetapi walau macham mana pun perkara itu akan di-jalankan siasatan. Sunggoh pun bagitu di-dalam negeri kita, boleh di-katakan banyak ada binatang² yang sa-umpama itu, saperti kijang, rusa dan lain² lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara telah mengemukakan supaya Undang² Tanah Kebangsaan itu di-luluskan dengan sa-berapa segera dan di-laksanakan. Sa-bagaimana yang telah saya sebutkan di-dalam ucapan pembukaan perbahathan ini, Undang² Tanah Kebangsaan telah pun di-sediakan, dan persiapan pada peringkat yang akhir telah pun di-buat. Rangka undang² itu akan di-bahathkan di-dalam Majlis Kebangsaan Tanah Negara pada awal tahun hadapan dan insha' Allah undang² itu akan di-bawa ka-dalam persidangan ini pada awal tahun hadapan.

Berkenaan dengan permintaan² tanah yang maseh ada tersimpan dalam Pejabat² Tanah di-Jabatan², maka saya suka menyatakan di-sini, sejak dua tahun yang sudah ini, daftar tanah di-tiap² Jajahan, atau tiap² Negeri telah pun di-bekukan dengan sebab Kerajaan ada-lah menumpukan perhatian-nya kepada keluaran tanah² di-bawah Rancangan F.L.D.A., Rancangan Pinggir, Rancangan Terkawal dan lain², dan saya perchaya kebanyakan daripada peminta² tanah yang permintaan-nya di-bekukan dalam Jajahan² itu telah pun mendapat tanah² di-bawah rancangan yang saya sebutkan itu. Jadi, dalam masa ta' berapa lama lagi, kita akan membuka balek, atau menchairkan permintaan² itu, dan pada masa itu kita akan uruskan permintaan² si-peminta yang maseh lagi belum mendapat tanah² di-bawah rancangan² yang tersebut.

Berhubung dengan tanah² yang di-usahakan sa-masa Jepun dan di-beri kepada orang lain, maka perkara ini sa-bagaimana yang tuan² sedia ma-

'alum, ada-lah perkara ini di-bawah urusan Kerajaan Negeri berkenaan dengan hendak memberikan tanah, tetapi walau macham mana pun, saya akan chuba menyiasat berkenaan dengan perkara ini.

Bekenaan dengan hasil tanah, atau pun land rent, sa-bagaimana Ahli² Yang Behormat sedia ma'alum, kebanyakan daripada Negeri² atau Kerajaan² Negeri telah pun mengubah hasil² tanah di-dalam tahun 1958 dan ada di-antara-nya di-dalam tahun 1959. Mengikut peratoran yang di-buat, hasil tanah ini di-kaji pada masa 30 tahun sa-kali, jadi berma'ana-lah, kalau sa-kira-nya negeri itu telah pun meminda dalam tahun 1958, maka terpaksa-lah menunggu tahun 1988, baharu-lah dapat di-kaji sa-mula, tetapi di-dalam Undang² Tanah Kebangsaan yang kita akan buat ini, kita telah mengeshorkan supaya hasil² tanah, atau land rent ini di-kaji sa-mula sa-lepas daripada undang² ini di-luluskan dan sa-lepas daripada itu pula 30 tahun bagi masa yang akan datang.

Jadi, sa-lepas Undang² Tanah Kebangsaan ini di-luluskan, perkara ini akan di-kaji, maka pengkajian yang utama insha' Allah akan di-buat.

Ahli dari Larut Utara juga telah menchadangkan supaya tanah² dalam negeri ini chuma di-beri kepada ra'ayat negeri ini sahaja. Perkara ini insha' Allah akan di-timbangan.

Ahli itu juga telah pun mengeshorkan supaya pehak Kerajaan mengawal dan menjaga berkenaan dengan melombong di-dalam kawasan Malay Reservation atau pun Rizab Melayu. Perkara ini, sa-bagaimana Ahli² barangkali mengetahui, beberapa buah negeri telah pun membuat dasar berhubung dengan melombong di-dalam kawasan Malay Reserve. Negeri Perak telah pun membuat dasar-nya ia-itu melombong di-dalam Malay Reserve ini hendaklah di-tetap atau di-khaskan bagi orang² Melayu sahaja, tetapi kampeni² Melayu atau pun orang² Melayu itu boleh pula mengupah orang² lain untuk mengeluarkan bijeh yang ada dalam tanah yang di-kerjakan oleh mereka itu. Jadi, dasar yang sa-umpama ini akan di-buat barangkali oleh tiap²

negeri dan terpulang-lah kepada negeri² itu sendiri menentukan dasar-nya berkenaan dengan melombong di-dalam kawasan² Malay Reserve itu.

Wakil dari Sungei Patani mengemukakan soal berkenaan dengan orang² yang dudok di-atas tanah tidak mendapat hak. Saya rasa perkara ini akan dapat di-binchangkan sa-masa Undang² Tanah Kebangsaan di-kemukakan kelak.

Bagitu juga berkenaan dengan harga lelong tidak sesuai itu pun insha' Allah akan mendapat timbangan daripada pehak Kementerian ini.

Berkenaan dengan perkara luas perkiraan tanah ekar, relong dan sa-bagai-nya, perkara itu insha' Allah kita akan di-betulkan sa-kira-nya negeri yang mengamalkan mana² satu dapat menyetujui dan bersetuju mengikut negeri² yang lebih ramai menggunakan satu² perkara, kerana yang saya tahu negeri² lain dalam Tanah Melayu ini kebanyakan-nya menggunakan ekar, chuma satu dua buah negeri sahaja yang menggunakan relong. Jadi ini-lah yang menjadi kesulitan sedikit, melainkan negeri, mithal-nya, Kedah dan Pulau Pinang bersetuju mengikut yang ramai ia-itu menggunakan ekar, jadi baharu-lah tidak menjadi kachau, atau kelamkabut di-dalam luas tanah relong dan ekar ini.

Berkenaan dengan soal hak milek rumah² pangsa atau flats, maka perkara ini juga telah pun di-binchangkan oleh pehak Kementerian dan Kerajaan² Negeri dan insha' Allah perkara ini akan di-masok atau di-maktubkan di-dalam Undang² Tanah Kebangsaan. Peratoran melombong itu berlainan, perkara itu juga manakala Undang² Tanah Kebangsaan di-luluskan insha' Allah dapat di-samakan.

Berkenaan dengan tidak boleh di-gadai tanah² dalam kawasan Rizab Melayu, maka perkara ini ada-lah akan menjadi satu kesulitan, jadi kita tidak boleh mendapat kedua²-nya, melainkan kalau sa-kira-nya kita berkehendakkan tanah² itu di-jaga supaya jangan terlepas daripada tangan orang Melayu, maka tanah² itu tentu-lah tidak dapat di-gadaikan kepada bank atau pun kepada orang² lain daripada Melayu.

Jadi, ini-lah satu perkara yang menjadi kesulitan dan pehak Kerajaan sedang menimbangkan macham mana tanah itu boleh di-gunakan

Enche' Mohd. Zahir bin Haji Ismail: Tuan Pengerusi, gadaian tanah dalam Rizab Melayu kepada bank bukan berma'ana tanah itu dapat kepada bangsa asing. Tetapi gadaian itu hanya untuk pinjaman yang jika sa-kira-nya orang yang meminjam duit itu tidak membayar duit hutang-nya, maka bank atau pun mana² badan (finance Company) boleh melelong tanah itu kepada orang Melayu juga. Itu chara yang di-jalankan di-satengah² negeri. Jadi, hak² rizab orang Melayu dapat terjamin. Bukan-lah berma'ana kalau sa-kira-nya di-gadai tanah itu kepada bank, maka bank itu boleh memileki tanah itu. Gadai ada-lah berlainan dengan pajak. Jadi, kalau sa-kira-nya kita boleh membuat peratoran supaya gadaian boleh di-buat dalam tanah² Rizab Melayu, maka ini akan menolong orang Melayu dalam lapangan iktisad.

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, insha' Allah perkara ini akan di-beri timbangan oleh pehak Kementerian.

Wakil dari Lipis telah berchakap berkenaan dengan soal mengadakan ranchangan yang tertentu bagi orang asli. Sa-bagaimana yang saya telah terangkan di-dalam persidangan Dewan ini yang lepas ia-itu pehak Jabatan Orang Asli telah pun membuat beberapa ranchangan, ia-itu Ranchangan² Tanah, Persekolahan, Kesihatan dan sa-bagai-nya bagi orang asli ini. Pehak Jabatan ini telah pun meminta dan sa-tengah daripada-nya telah pun mendapat kelulusan daripada pehak Kerajaan Negeri berkenaan dengan tanah² yang akan di-untokkan bagi Ranchangan Kemajuan Tanah Orang² Asli ini dan pehak Jabatan ini sedang membuka atau berusaha di-atas beberapa tanah bagi faedah orang asli itu.

Berkenaan dengan perkara yang di-shorkan oleh Ahli dari Lipis ia-itu filem yang di-tunjokkan kepada orang asli itu ada-lah tidak sesuai dan berkehendakkan supaya filem yang menunjukkan kedudukan orang asli di-tunjokkan kepada mereka itu. Maka saya suka menerangkan di-sini ia-itu

dengan kemurahan dan ihsan Jabatan Penerangan, Jabatan Penerangan telah memberitahu kepada saya yang mereka telah menyediakan satu filem yang berkenaan dengan hal ehwal orang² asli di-sini, dan saya sendiri telah memerhatikan mengambil gambar itu sa-masa saya melawat Negeri Sembilan yang sudah ini. Manakala filem itu siap insha Allah akan di-tunjokkan kepada orang² asli dan juga kepada Ahli Yang Berhormat.

Sa-perkara lagi yang di-keluarkan oleh Ahli dari Lipis ia-itu berkenaan dengan orang² asli ini telah di-tipu oleh orang-tengah atau pun orang-tengah membayar upah atau membeli barang² daripada orang asli dengan tidak berpatutan. Perkara ini ada-lah mendapat perhatian daripada Jabatan dan Jabatan sedang mengator supaya pengeluaran oleh orang² asli itu dapat di-jual dengan harga yang berpatutan dibawah arahan atau pandangan atau penyeliaan daripada pegawai² Jabatan Orang Asli sendiri.

Satu soal lagi yang di-bawa oleh Ahli itu ia-itu kebanyakan daripada pegawai² di-dalam Jabatan ini ada-kah adek-beradek atau tidak, dengan sebab banyak "bin Abdullah". Jadi, kebiasaan-nya kalau sa-saorang itu barangkali saya rasa itu-lah sebab-nya, kebanyakan orang² yang bukan beragama Islam menganut ugama Islam, maka biasa-nya di-buboh "bin Abdullah". Jadi, dalam Jabatan Orang Asli itu ada beberapa orang yang telah menganut ugama Islam dan menggunakan "bin Abdullah".

Wakil dari Bachok telah mengeshorkan ranchangan bagi orang asli itu hendak-lah di-bawa kepada orang² Sarawak dan Sabah. Maka di-sini saya rasa ada-lah menjadi satu shor yang tidak berpatutan, kerana orang² Sarawak dan Sabah tidak mensifatkan mereka itu sa-bagai orang² asli yang ada di-Tanah Besar Malaya ini, tetapi mereka ada-lah bumiputra daripada Sarawak dan Sabah. Mereka telah pun mendapat segala ranchangan² kemajuan di-bawah kepala yang lain daripada kepala yang di-sediakan untuk orang asli.

Wakil itu juga telah mengeshorkan supaya di-Malaya di-adakan juga per-

untokan untok menyiasat barang² purba. Saya suka-lah menyatakan di-sini di-Malaya siasatan barang² purba itu di-buat oleh Jabatan Muzium bukan oleh Jabatan Kajibumi.

Sa-perkara lagi yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah berkenaan dengan Undang² Tanah Kebangsaan, Pechahan-kepala 18, Kepala S. 52 ia-itu Undang² Tanah Kebangsaan—Daftar Galian dan Borang² Baru, apakah sebab kata-nya Kerajaan meletakkan chuma \$10, ada-kah perkara ini akan di-bawa pula kepada Dewan ini untuk mendapat tambahan yang lebeh. Maka di-sini saya suka hendak menyatakan-lah ia-itu Undang² Tanah Kebangsaan belum di-luluskan lagi. Manakala Undang² Tanah Kebangsaan ini di-luluskan maka daftar galian dan borang² yang bersangkutan dengan itu akan di-chap dan pehak Kementerian ini sendiri tidak tahu dan tidak dapat hendak meneka berapa-kah perbelanjaan yang di-kehendaki pada masa itu. Jadi dengan ada-nya token vote \$10 itu maka pehak Kementerian apabila lulus sahaja Undang² Tanah Kebangsaan ini akan mengkaji berapa banyak borang yang di-kehendaki, berapa perbelanjaan yang di-kehendaki dan pada masa itu berunding dengan Menteri Kewangan untuk mendapat persetujuan daripada Menteri Kewangan. Manakala Menteri Kewangan luluskan sahaja kehendak² itu, maka boleh-lah di-belanjakan dengan berdasarkan bersetuju pada dasar-nya ada-lah diminta daripada Majlis ini dan kalau sa-kira-nya di-luluskan oleh Majlis ini maka beberapa banyak juga perbelanjaan boleh di-buat pada masa itu, jadi itu-lah sebab-nya di-minta \$10 token vote.

Ahli Yang Berhormat daripada Bachok juga telah bertanya mengapakah di-bawah Jabatan Kajibumi tidak ada peruntokan berkenaan dengan Land Use sa-bagaimana yang ada di-dalam Kementerian Agriculture atau Kementerian Pertanian. Maka di-sini saya suka menerangkan-lah kewajipan yang di-jalankan oleh Jabatan Kajibumi dan Kementerian Pertanian itu ada-lah berlainan. Jabatan Kajibumi menentukan di-mana ada bijeh, di-mana tidak ada bijeh dan apa chara

batu yang ada di-bawah tanah dan apa chara formation yang ada di-dalam tanah—itu di-tentukan oleh Kajibumi. Manakala Jabatan² atau Kementerian Pertanian meminta sa-bidang tanah untuk di-jadikan tanah untuk pertanian, maka kajibumi akan memeriksa dahulu sa-kira-nya dalam tanah itu ada bijeh, ada logam atau ada apa². Kalau sa-kira-nya tidak ada yang berharga, maka dia menyebutkan tanah ini tidak ada logam yang berharga boleh-lah di-gunakan untuk pertanian. Maka terpulang-lah kepada Kementerian Pertanian menentukan sama ada tanah itu hendak di-gunakan untuk kelapa bali, untuk getah, untuk apa dan sa-bagai-nya, kerana Jabatan Kajibumi tidak dapat hendak menentukan apa-kah kegunaan yang sa-baik²-nya bagi tanah itu berhubung dengan pertanian; kerana dia bukan pakar pertanian tetapi dia ada-lah pakar berkenaan dengan logam sahaja. Jadi itu-lah sebab-nya dalam Estimate atau pun Anggaran Perbelanjaan tahun ini pehak Kementerian Pertanian menubuhkan satu jabatan untuk menentukan penggunaan tanah. Jadi sebab itu Ahli² Yang Berhormat faham-lah tanggung-jawab yang di-jalankan oleh Jabatan Kajibumi dan Kementerian Pertanian ini.

Berkenaan dengan batu atau bukit yang di-pechahkan di-Salak North, saya sendiri, Tuan Pengerusi, tidak dapat hendak menentukan di-mana-kah tempat-nya kerana Salak North itu luas, dia mula daripada Titi Anggor atau Karai sampai-lah dekat Sungai Siput. Gunong yang mana saya sendiri pun tidak dapat tahu dan tidak dapat-lah saya hendak menjawab, tetapi yang saya tahu quarry di-situ ada dua, satu ada-lah quarry limestone di-gunakan untuk membuat simen dan satu quarry sa-belah kiri pergi ka-Kuala Kangsar ada-lah di-gunakan untuk pechah batu—batu di-ambil buat jalan, jadi yang mana saya tidak tahu. Jadi, saya harap-lah kepada Ahli Yang Berhormat menentukan yang mana insha' Allah saya akan siasat dan memberi jawapan kepada-nya kelak.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Langat juga telah menyebutkan berkenaan dengan Undang² Tanah

Geran Puteh dan Geran Merah dan sa-bagai-nya. Jadi perkara ini ada-lah sedia ma'alum ia-itu Geran Puteh ia-itu geran besar—sa-tengah kata geran ini boleh di-jual—tanah yang di-keluar ini boleh di-jual—tanah yang di-keluar—dengan geran ini di-jual kepada siapa juga tetapi tanah yang di-keluarkan dengan Geran Merah tidak boleh di-jual kepada orang lain daripada orang Melayu. Jadi perkara ini ada-lah satu dasar yang ada baik-nya dan ada burok-nya. Baik-nya tanah yang di-pajak dengan Geran Merah ini tidak boleh di-jual kepada bangsa lain dan sa-lama²-nya berkekalan di-tangan orang Melayu. Tetapi ada keburokan-nya sedikit tanah ini susah hendak gadai, hendak di-sandar, hendak itu dan hendak ini. Jadi perkara ini saya harap akan menjadi satu perkara yang mendapat timbangan daripada Ahli Yang Berhormat seluroh-nya sa-belum daripada dapat Kementerian ini hendak menentukan berkenaan dengan dasar Geran Puteh dan Geran Merah dan sa-bagai-nya.

Perkara yang kedua yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ia-lah berkenaan dengan tanah² lombong yang di-satukan dan di-ambil kebenaran tidak di-kerjakan di-dalam tanah itu dan ini kata-nya akan merugikan orang² kechil. Yang saya tahu atau yang saya faham berkenaan dengan pajak² tanah lombong yang di-keluarkan ini ada di-antara kompeni² atau pun orang² persaorangan yang dapat tanah luas mithal-nya 1,000 ekar, kemudian dia chuma kerja dalam 100 ekar atau 50 ekar tiap² tahun dan tanah yang di-dapati itu boleh jadi di-keluarkan dengan chara beberapa lot atau beberapa lease. Jadi pada surat² pajak yang lain yang tidak di-usahakan itu hendak-lah di-minta dengan satu permintaan yang di-namakan aggregate ia-itu tanah² itu tidak dapat di-usahakan kerana tuan tanah itu sedang berusaha di-tanah yang lain, kerana syarat yang di-kenakan bagi lombong ini manakala kita mengeluarkan sa-keping tanah dengan chara mining lease maka pehak yang mendapat mining lease itu hendak-lah mengadakan satu scheme untuk di-kerjakan. Jadi kalau dia dapat tanah

itu dengan berapa mining lease mithalnya 10 mining lease dia bekerja chuma dalam satu, 9 atau yang 8 lagi itu dia kena-lah di-aggregate—minta kebenaran ia-itu dia tidak bekerja di-situ, jadi itu-lah sebab di-buatkan aggregate dan sa-bagai-nya.

Satu perkara lagi yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Langat ini ia-lah berkenaan dengan sharat, atau soalan yang di-kenakan oleh pehak yang berkuasa berhubung dengan orang² yang meminta tanah hendak mengusahakan lombong. Soalan yang di-sampaikan ia-lah, sudah-kah ada pengetahuan, atau belum. Jadi, saya rasa perkara ini yang sa-benar-nya tidak-lah patut di-kenakan atau di-jadikan satu sharat kepada orang² Melayu, atau pun orang² lain juga yang mulai hendak masuk melombong, tetapi patut-lah pehak Kerajaan, atau pehak yang berkuasa mengetahui sa-belum daripada dia meluluskan, atau memberi timbangan kepada permintaan² ini, adakah kesanggupan orang² yang meminta itu hendak bekerja, atau pun hendak melombong. Ini ada-lah patut di-tanya oleh pehak yang berkuasa, atau pun orang yang hendak meluluskan permintaan itu, ia-itu ada-kah kesanggupan. Jadi, soal-nya bukan soal ada pengalaman, atau ada pengetahuan, tetapi ia-lah soal ada kesanggupan. Jadi, kalau sa-kira-nya tidak sanggup, banyak juga yang terjadi, apabila pehak Kerajaan meluluskan satu keping tanah kepada sa-orang, maka dia sendiri tidak sanggup hendak menyiasat sendiri, atau hendak mengorek sendiri, atau hendak mengusahakan sendiri, maka akhir-nya dua tiga tahun, dia jual surat lease itu, atau pun surat prospecting permit itu—ta' ada orang hendak beli, maka akhir-nya terpulung balek kepada Kerajaan dengan tidak menyiasat, atau tidak di-adakan pekerjaan prospecting, atau boring langsung. Jadi, perkara ini pun telah berlaku. Jadi dengan sebab itu, saya katakan, ia-itu tidak patut di-soal ada pengalaman atau tidak, tetapi ada kemampuan untuk bekerja dan sa-bagai-nya, atau pun patut juga diambil tahu sedikit sa-banyak oleh pehak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan ia-itu di-dalam kawasan² Malay Reserve telah di-dapati 6 di-Perak, dan 1 di-Selangor yang ada mengandungi bijeh. Yang sa-benar-nya bukan 6 tetapi 12 di-Perak, 1 di-Selangor, dan perkara ini telah pun saya sampaikan, atau pun Kementerian saya sampaikan kepada pehak Kerajaan Negeri, dan terpulung-lah kepada pehak Kerajaan² Negeri mengishtiharkan kawasan² itu kepada ra'ayat, atau pun kepada umum. Bagi pehak Kementerian saya, saya suka-lah menyatakan di-sini, ia-itu pehak Kementerian ini bersedia menolong orang² Melayu yang hendak bekerja di-dalam kawasan² Malay Reserve ini, bukan sahaja memberi galakan, atau tunjok ajar, tetapi pehak Kementerian saya sanggup melateh anak² Melayu kita yang hendak bekerja membuka kawasan ini di-Mining Institute, Ipoh, ia-itu untuk memberi latehan.

Sa-lain daripada memberi latehan, pehak Jabatan Lombong ini juga, atau Jabatan Galian ini juga sanggup memberi pinjaman perkakas² lombong kepada orang² yang hendak melombong baharu² ini, dan dengan chara sewa yang kecil dan apabila dia sudah maju mithal-nya, dia dapat membeli perkakas dia sendiri dan di-hantar-lah balek perkakas² Pejabat Lombong itu supaya dapat di-beri pinjaman, atau di-beri sewa kepada orang lain pula. Jadi, ini pehak jabatan saya sanggup menjalankan kerja² ini.

Satu perkara lagi yang di-sampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat, ia-itu meminta tambahan jawatan juru-ukor, atau pun orang² yang hendak membuat ukor. Jadi, perkara ini, saya rasa jawatan yang ada pada masa ini ada-lah menchukupi, ia-itu lebeh kurang 61 orang yang ada dan maseh ada lagi 8 jawatan yang kosong. Jadi, sa-kira-nya yang 8 jawatan itu di-penohkan, insha' Allah perkara ini—jawatan itu—ada-lah menchukupi dan tidak berkehendakan pada masa ini di-tambah.

Berkenaan dengan Jabatan Ukor ini juga telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan yang kata-nya Jabatan ini tidak menjalankan kerja dengan beres, atau

pun dengan sa-patut-nya. Saya inginalah, kalau dapat, Ahli Yang Berhormat itu memberikan keterangan-nya sa-chara bersurat, atau dapat memberi keterangan yang lebih lanjut kepada saya sendiri, dan saya akan siasat, kerana biasa-nya yang saya tahu perkara yang sa-umpama itu tidak akan terjadi dan kesalahan itu tidak dapat di-letakkan kepada Jabatan Ukor—Jabatan Ukor tidak dapat menentukan yang mana hendak di-buat dahulu, yang mana hendak di-buat kemudian; yang menentukan yang mana dahulu dan yang mana kemudian ini ia-lah requisition survey yang di-sampaikan oleh, sama ada State Secretary, atau pun Pegawai Jajahan. Pegawai Jajahan menghantar requisition survey kepada Jabatan Ukor dan menentukan ini patut di-buat dahulu, ini di-buat kemudian, maka Jabatan Ukor akan membuat sa-bagaimana permintaan daripada Pejabat Jajahan dan mengikut apa yang ada pada pengetahuan saya, ia-itu pehak Jabatan Ukor telah pun menjalankan kerja² mereka dengan beres-nya dan ada sa-tengah daripada Jabatan Ukor hari ini tidak mempunyai pekerjaan yang chukup dengan sebab kebanyakan kerja-nya telah pun habis. Kerja² yang besar yang di-jalankan oleh Jabatan Ukor ini di-dalam masa sa-tahun dua yang lepas ia-lah menyukat tanah di-dalam ranchangan². Maka dengan sebab itu, pehak Jabatan Ukor telah pun meninggalkan kerja² yang lain dan ada-lah juga menjadi dasar Jabatan Ukor, ia-itu tidak akan menyukat tanah² untuk sub-division. Tanah² untuk sub-division sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan tadi tidak menjadi keutamaan dan tidak di-galakkan oleh Jabatan Ukor untuk menjalankan sukatan, kerana sub-division—kita pulangkan kepada surveyor luar, atau pun private surveyor untuk menjalankan sukatan sub-division dan lain²-nya; kita menumpukan tenaga kita kepada menyukat tanah² di-bawah ranchangan² yang besar di-tanah² yang hendak di-keluarkan yang baharu.

Tuan Pengerusi, jadi sekian-lah sahaja yang dapat saya jawab pada masa ini dan yang lain² itu dan juga yang telah pun saya sebutkan tadi,

insha' Allah akan mendapat timbangan daripada Kementerian ini. Terima kaseh.

Question put, and agreed to.

The sum of \$805,006 for Head S. 52, the sum of \$593,704 for Head S. 53, the sum of \$1,260,342 for Head S. 54, the sum of \$14,152,730 for Head S. 55, the sum of \$1,185,305 for Head S. 56, the sum of \$1,554,433 for Head S. 57, the sum of \$217,225 for Head S. 58 and the sum of \$1,854,556 for Head S. 59 ordered to stand part of Schedule.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1965

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

Head S. 60—

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Chairman, Sir, in accordance with Standing Order 66 (7), I beg leave to move an amendment to reduce Head 60, Sub-head 1, Item (1), by the token sum of \$10.

Mr Chairman, Sir, in making this move I hope my amendment will not be construed by the Minister for Local Government and Housing as an affront to him or as an attempt to belittle or ridicule him.

Mr Chairman, Sir, I am told that the Minister concerned, after opening the Wholesale Market at Jalan Ipoh, had a relapse; I hope that relapse has nothing to do with this amendment of mine, because, Mr Chairman, Sir, if it were so, I would perhaps have a very guilty conscience indeed.

Mr Chairman, Sir, I also hope that this amendment of mine, unlike my previous amendment on the Ministry of External Affairs, will not draw on me the avalanche of abuse that took place in connection with my last amendment. I hope Members of this House will be charitable enough and discuss this amendment of mine in a calm, sober

and collected manner that any amendment deserves to be discussed. In connection with this, Mr Chairman, Sir, if I may point out, the Minister concerned, on Saturday, did not give a hint but stated in no uncertain terms that the rates of Kuala Lumpur would be raised, and perhaps the continuous phone calls and telegrams that he might have received from the irate taxpayers of Kuala Lumpur might have something to do with his relapse—I do not know, Mr Chairman, Sir. But it looks to me that being a Minister of the Government these days is a tremendous occupational hazard. If I may digress, Mr Chairman, Sir, being an M.P. also has its occupational hazards. I am told that the Member for Kelantan Hilir, after the bout with the Honourable Member for Hilir Perak, landed himself in hospital the very night or the next day. We, Members of Parliament, also are subject to such hazards, Mr Chairman, Sir.

Mr Chairman, Sir, in making this amendment to Head S. 60, I wish in particular to focus the attention of the Acting Minister and of this House, and indeed of this country, to Kuala Lumpur, the Capital of Malaysia. I wish to spotlight the hopes and aspirations, the trials and tribulations of the citizens of Kuala Lumpur and of Kuala Lumpur itself.

Mr Chairman, Sir, I first wish to bring to the notice of this House the raising of the status of the Municipality of Kuala Lumpur to that of a City, commensurate with the position and dignity of a Federal Capital in consonance with the rapid rise in population and growth. In doing this, I am conscious that I have the backing not only of the whole population of 450,000 inhabitants of Kuala Lumpur but also of those thousands who would be justifiably proud of their Capital, and, I hope, of all Members of this House as well, including the top brass of the Municipality who, Mr Chairman, Sir, for the first time, I see, are sitting behind the Government benches. In this I believe I have the backing of the present Commissioner of the Federal Capital himself. I am sure he would be glad to be in a position to be able to

present the keys of the City to visiting dignitaries from the four corners of the earth who invariably are drawn to our Capital by the fascination of the East.

Mr Chairman, Sir, it was more than six years ago when the Constitutional Committee of the Municipality recommended that the town should be raised to that of a City, with a fully elected Council and Mayor. The *Singapore Standard* on the 11th May, 1958, in an article stated that the Yang di-Pertuan Agong would declare the Federal Capital a City in the following year. One and a half years later, on the 19th September, 1959, the Federal Government announced that a Bill was being prepared to provide for a fully elected Council and a Mayor. What pangs of joy were aroused in the minds of the people of Kuala Lumpur we cannot fathom, but the Bill which finally came out was completely different from what had been promised and what the people had looked forward to. On the 13th September, 1960, the Bill was debated in Parliament and the fate of the city was sealed. A Commissioner was to be appointed and he was to be advised by an Advisory Committee of six officials and 7 unofficials. The Commissioner could overrule the advice of the Advisory Board. Such was the status of Kuala Lumpur, and the hopes of the people were shattered. Their disappointment found expression in various and numerous letters to the Press and through the speeches of the elected representatives in the then Dewan Ra'ayat. Now, four years later, we must ask ourselves whether the decision was correct and whether there was a case for the Federal Capital to be raised to the status of a city and whether it should have a fully elected Council with an elected Mayor.

Several smaller towns had been raised to the status of a city. Penang was raised to that status many years ago. Almost every town in the Philippines is a city, and the City of Manila itself is several cities in one. Kuala Lumpur has been the Capital of the former Federated Malay States since 1896 and from 1945 of the short-lived Malayan Union and then of the Federation of Malaya and now of Malaysia itself.

Mr Chairman, Sir, we would fail in our duty, if we do not make a determined effort to eradicate such inhuman living conditions. These people are subject to such tribulations for a long time. They are asking for a change, a change towards decent life and towards better living conditions. I have repeatedly asked for such a change on their behalf. The unfortunate irony is that while all these people are technically living in a city, yet in actual fact they are kampong/rural dwellers. Unfortunately, the Kuala Lumpur Commission has not taken effective action to alleviate such inhuman hardships.

There have been talks of resettlements. It is a very good idea to resettle these people. All modern cities should have slum clearance programmes. But in the case of Kuala Lumpur, and

particularly the Bukit Bintang constituency, when are the resettlements to take place? When would these people be given low-cost housing?

Pending the eventual resettlement of these squatters, I would like to appeal to the Government to take urgent interim measures to provide these poor squatters with basic necessary community facilities like water-pipes, drains, street lighting, flood control and some kind of roads—they need not even be first-class roads, Sir. The task of providing proper shelters and decent living facilities assumes tremendous significance. This task is all the more urgent not only because it is our primary duty to help these poor squatters, but also because Kuala Lumpur is the focal point of all our endeavours and activities, on which the eyes of the world are focussed.

I, therefore, appeal to the Government to inject into this task of building low-cost housing a sense of urgency. There is no alternative but to make a determined effort to devote as much energy and funds as possible to this humane and social task. In the long run, resettlement is the proper solution. But pending provision of low-cost housing, the urgent problem is to provide basic community living amenities.

Sir, another serious problem is that there is no actual approach road to thousands and thousands of people living behind the Majestic Theatre in Kampong Loke Yuen. Jalan Brunei maintained by the Kuala Lumpur Commission is the only arterial route to the area, but this road is now full of big pot-holes. In addition, a big drain has been opened up right across the road. This results in making this road, which is the only approach road to the area, totally unserviceable. If I may say so, Sir, only a Sherman tank can go through. Yet, there are thousands of people who depend on this road for communication. To make the situation worse, subsidiary roads leading off Jalan Brunei, namely Jalan Brunei Selatan and so forth, are also getting to be unserviceable. A month ago, I made a complaint to one of the City engineers. To-date, nothing has been done. I urge, and urge strongly, the

Honourable the Acting Minister to use his good offices to see that this road and related subsidiary roads are immediately repaired.

Before I conclude, Sir, may I add a note of caution, not to the Honourable Minister for Housing nor to the Acting Honourable Minister, but to some people who are paid to do their duty. So long as there are people who obstruct and neglect the interests of the people and so long as there are people who neglect their duty to the detriment of the welfare of the community, I shall not hesitate to bring them before this House. Thank you, Sir.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara):

Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil masa tiga minit sahaja di-atas satu perkara yang sangat penting yang di-minta oleh sa-golongan yang besar daripada orang yang bekerja di-Pejabat Bomba supaya, Tuan Pengerusi, dan ra'ayat jelata Malaysia mendengar-nya.

Tuan Pengerusi, S. 62—Perkhidmatan Bomba, muka 260, Butiran (1). Pekerjaan Bomba ini, Tuan Pengerusi, tidak sa-rupa di-tadbirkan oleh seluroh Malaysia ini, tetapi kalau kita lalu di-Balai² Bomba, kita tengok hari ini sa-olah² tidor, tetapi sa-benar-nya tidak. Mereka apabila ada panggil keche-masan, berlari ka-luar, saperti harimau yang hendak menangkap mangsa-nya. Jadi, chara umum-nya ini-lah yang mereka jalankan pekerjaan mereka sama ada di-Kuala Lumpur ini, di-Singapura, di-Sarawak dan juga di-kawasan² luar bandar, tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, gaji-nya ta' sa-rupa.

Saya suka hendak menarek perhatian, Tuan Pengerusi, ia-itu perbezaan-nya besar sangat, kerana perbezaan di-antara di-luar bandar dengan di-Kuala Lumpur ini, umpama-nya firemen di-luar bandar gaji-nya \$94.00 permulaan, tetapi di-Kuala Lumpur ini \$112.00. Fire engine driver gaji-nya \$150.00 permulaan, di-Kuala Lumpur ini \$180.00. Jadi, beza-nya terlampau besar, Tuan Pengerusi. Di-tangan saya ini ada satu memorandum yang lengkap dan memorandum ini telah pun di-sampaikan kepada pihak yang berkenaan sudah lama. Jangan-lah hendak-nya apabila

ada ugutan hendak mogok baharu-lah Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya. Saya bagi pehak orang ini meminta, Tuan Pengerusi, kapada Kerajaan menimbangkan rayuan² orang ramai itu supaya perkhidmatan itu di-jalankan sa-imbang di-seluruh Malaysia. Terima kaseh.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Mr Chairman, Sir, this provision for the Ministry of Local Government and Housing in the Budget is a very extremely important one, though very small in amount. It is not my intention to carp at the Ministry, which is a new one, but rather to bring up certain points with the hope that we in this House can help shape the future of this nation, because it is quite clear that local government and housing are the very grass roots of democracy in this country from which the very shape of the future of this nation will depend.

However, Sir, I would like to draw the attention of the Honourable Acting Minister that it is very important for the Ministry to consider how to plan a policy to implement the various development projects that are to be carried out by the Ministry. Foremost in our minds, Sir, is the fact that at the present moment a great deal of restriction is being imposed by the Central Government on local authorities by the fact that certain Ordinances, particularly the Municipal Ordinances, are still not completely revised. It is important, to our minds, that the Central Government should co-ordinate as well as stimulate the interest of the local authorities. However, until the Municipal Ordinances are altered, the local authorities cannot fully proceed with the question of housing and the question of planning for future developments in the various areas. It is, I think, important for us, as from the statements that have been made earlier on this evening, that we should understand that there is great diversity in the pattern of life in our nation and there will be wide differences in this pattern between the rural and the town areas and, therefore, there should be great latitude in co-ordinating the activities of the local authorities.

Sir, one of the most important facets in our future is to stimulate not only the local authorities but also private enterprises to help in the development of our nation, particularly in the field of housing. From this point of view, we feel that although the Rent Control Ordinance is an important one—in the sense that it protects the interest of the ordinary man—however, in order to encourage a rapid development of housing, particularly in the rural as well as urban areas, like Penang and other equivalent cities and towns, it may be necessary for the Government to initiate new legislations to provide for some kind of organisation, like the Land Tribunal, whereby developers can approach the local authorities, as well as the Central Government, in order to facilitate development projects in the future. Furthermore, we have spoken time and time again of the necessity of trying to integrate industrialisation and housing with general rural development. Sir, it is, to our minds, a fact that housing as a social need in this country is a tremendous one. However, this Ministry must lay down the policy whereby housing can be integrated and priority given to housing in areas where industrialisation is bound to spring up. In Penang we are very conscious of the fact that the Port Area of Penang Island is an area where there will be tremendous changes in the next few years, and we would like planning in this area to be started as early as possible so that the families who are now living in the Weld Quay area in Penang will be assured that, if at any time the Government make changes in the landscape of that particular area and if Government intends to develop that area, provision will be made for adequate and rapid housing for these people not only in terms of housing as such but also in terms of housing in relation to the future livelihood and in terms of future employment.

Sir, I would like to touch briefly on this question of development. I was interested in the remarks made by the Member for Seremban Barat over the question of building of flats and the utility of housing. In the Seremban Town Council we know that although

the Alliance Party does not enjoy the privilege of being in charge of that particular Council, there have been requests for a new market in that area, which has been outstanding for several years. The Alliance State Government there has provided new housing. However, we think that it is necessary to urge the Ministry to give every consideration to provide also new marketing facilities in that area.

Next, Sir, I also wish to touch briefly on one or two points regarding Civil Defence, that is, in relation to the question of administration. I hope that the Ministry will urgently look into the question of the problem of medical examination for those who are called up for civil defence training. Personally, I have been contacted by one or two persons who were physically incapable of carrying out their duty in the Civil Defence corps, but the machinery for appeal is so uncertain that the citizens so concerned were quite unaware of how they could get exemption.

Lastly, Sir, I would like to draw the attention of the Honourable Minister to the question of provision for early payment of allowances to those called up for Civil Defence training. I also hope the Ministry will take into consideration exempting those who, because they are the only breadwinners in the families, find it difficult to sacrifice even those few hours of service to the Civil Defence Organisation and that the Minister will set up a proper Tribunal for appeal under those circumstances.

Enche' Ismail bin Idris (Penang Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan ini. Di-dalam memberi sokongan saya, suka-lah saya memberi sedikit pandangan kepada Kementerian ini. Saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Peranchang Bandar dan Kampong di-muka surat 258. Di-dalam sa-buah kawasan yang mempunyai penduduk² yang ramai, umpama-nya, di-Pulau Pinang atau George Town, soal perumahan sangat-lah mustahak dan saya bersetuju, sa-bagaimana ucapan yang di-buat oleh Wakil dari Tanjong tadi, tetapi di-dalam menjalankan sa-suatu perojek atau sa-suatu ranchangan perumahan, maka hendak-lah di-timbang dengan

halus-nya kepada penduduk² di-atas tanah yang di-punya'i oleh tuan tanah itu. Biasa berlaku, Tuan Pengerusi, dua tiga kali di-waktu mengadakan satu ranchangan perumahan baharu, maka biasa-nya penduduk² yang asal yang tinggal di-tanah itu di-suroh pindah keluar dengan memberi bayaran yang sedikit dan tidak pula di-untok atau di-beri sa-keping tanah yang kechil untok mendirikan rumah. Ini satu perkara yang harus di-beri pertimbangan oleh Kementerian ini.

Di-satu tempat di-kawasan saya—di-Jelutong—ada satu kawasan lebeh kurang 10 ekar dan di-dalam tanah itu ada mempunyai lebeh kurang 15 buah rumah. Jadi tuan tanah itu hendak menjualkan tanah itu kepada sa-orang saudagar untok membuat ranchangan rumah. Jadi, biasa-nya sa-sabua rumah itu apakala hendak di-baiki maka terpaksa-lah tuan rumah itu meminta kebenaran daripada tuan tanah untok hendak membaiki rumah itu, tetapi malang-nya apakala tuan rumah itu hendak membaiki rumah, dan minta permohonan atau kebenaran daripada tuan tanah itu, tuan tanah itu tidak membenarkan dia membaiki rumah itu dengan niat dan tujuan supaya runtoh-lah rumah itu dan pada masa itu bertolak-lah tuan rumah itu daripada duduk di-tempat itu. Ini satu perkara pada pendapat saya tidak 'adil dan saya minta-lah satu atoran supaya di-buat supaya tidak-lah lagi penduduk² di-atas tanah itu terkechiwa dan tidak mendapat ke'adilan.

Yang kedua, saya suka mengeshor-kan di-sini mana kawasan² yang mempunyai penduduk² yang lebeh banyak daripada satu² kaum bagi mengadakan perpaduan kaum² di-bandar². Saya suka-lah sa-kira-nya Kerajaan dapat menolong supaya dapat di-berikan kesempatan kaum² umpama orang Melayu, orang China dan orang India dapat duduk berjiran² supaya kita dapat mengelakkan daripada berlakunya kurang senang hati atau pun berpuak² atau pun berkaum² atau pun berbangsa² dudok di-satu² tempat, ini satu chara sa-kira-nya kalau Kementerian ini dapat menolong negeri ini supaya kita dapat duduk berbaik² di-antara satu sama lain.

Saya dapati di-dalam rancangan mengadakan rumah² yang beberapa tahun ini biasa-nya kita tengok hanya rumah² atau pun bangunan² kebanyakan berchorak barat. Jadi kalau kita pergi melawat di-Sabah umpama-nya, di-Sarawak kita dapati banyak rumah² berchorak ka-Sabahan atau pun ka-Sarawakan tetapi di-Malaya rumah² yang di-dirikan baharu² ini kita dapati tidak berchorak Malaysia. Oleh itu saya minta-lah sa-kira-nya Kementerian ini hendak mengadakan rancangan² bangunan rumah chuba-lah buat bentuk² sa-chara Malaysia atau pun sa-chara ketimoran.

Berpaling saya, Tuan Pengerusi, kapada Kerajaan Tempatan muka surat 256 Kepala S. 60. Di-dalam negeri kita ini ada mempunyai bermacam² Majlis² Tempatan—Majlis Bandar Raya, Majlis Municipal, Majlis Town Board, Majlis Daerah Luar Bandar dan juga Majlis Local Council. Dan mengikut chara² pentadbiran dan perjalanan-nya ada-lah lebeh kurang berlainan sedikit. Saya sebutkan di-sini ia-lah mengenai dengan Majlis² yang ada mempunyai taraf autonomy atau pun taraf bersendirian. Umpama-nya, dalam City Council Pulau Pinang dia ada bertaraf autonomy dan dia boleh menjalankan pentadbiran-nya sendiri, umpama-nya, menaikkan elaun Councillors, dia boleh memohonkan kapada Negeri, Negeri membenarkan terus—dia bertaraf autonomy. Begitu juga di-Majlis Daerah Luar Bandar Pulau Pinang, Majlis Daerah Seberang Perai Utara, Majlis Daerah Seberang Perai Tengah dan Majlis Daerah Seberang Perai Selatan, kesemua-nya ini—Majlis² ini, ada mempunyai taraf autonomy sendiri. Tetapi apakala satu² keputusan yang di-ambil oleh Majlis² itu sendiri untuk menaikkan sara hidup atau elaun Councillors-nya apabila perkara ini di-kemukakan kapada State—kapada negeri jawapan yang diterima ia-lah maseh menunggu keputusan daripada Pusat. Tetapi yang saya tahu keputusan ini patut-lah di-buat oleh State kerana Local Council atau pun perkara yang umpama ini memadai-lah dengan keputusan State tetapi jawapan yang kita terima maseh menunggu keputusan daripada National

Council, atau pun Pusat di-Kuala Lumpur ini. Saya tidak tahu-lah bagaimana chara-nya bagini sa-hingga hari ini saya biasa bangkitkan perkara ini tetapi sa-hingga hari ini itu-lah jawapan-nya.

Tuan Pengerusi, kita tahu Majlis Bandar Raya Pulau Pinang ada-lah di-bawah kuasa Socialist Front. Beberapa tahun Majlis ini telah di-kuasai oleh Socialist Front dan baharu² tadi Yang Berhormat wakil dari Batu telah memuji² bagaimana pentadbiran dan perjalanan Bandar Raya Pulau Pinang ini sangat baik. Saya anak tempatan Pulau Pinang, saya rasa saya lebeh tahu daripada apa yang telah di-chakapkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya ada beberapa perkara hendak bagi tahu dalam Majlis ini. Baharu² ini satu banjir telah berlaku di-Kampong Caunter Hall—di-kampong lama, ayer naik sa-hingga 8 kaki, dan perkara ini berulang² jadi-nya pada tiap² tahun sa-hingga-lah dari masa sa-belum merdeka dan sa-belum daripada itu lagi tiap² tahun mesti ada banjir tetapi apa-kah City Council yang di-kuasai oleh Socialist Front telah berbuat? Wakil Tanjong boleh bagi tahu apa yang telah berlaku baharu² ini, itu satu perkara. Satu lagi—satu pentadbiran churang telah berlaku di-dalam kawasan pentadbiran Socialist Front yang mana sa-orang pegawai kanan bagi Pejabat Kesihatan atau pun kita panggil George Town Cleansing dan Marketing dia sa-orang pegawai dan dia telah di-hantar ka-England untok mengambil kursus berkenaan dengan ini dengan harapan apabila dia balek ka-sana untok men-jawat satu jawatan yang penting, tetapi sa-belum dia datang balek di-sini jawatan itu telah di-beri kapada orang lain sa-hingga hari ini pegawai itu maseh memegang jawatan lama. Ini-lah satu perkara, saya rasa, satu pentadbiran yang kurang baik—yang kurang enak yang, pada pendapat saya, patut-lah sa-kira-nya Kementerian ini dapat menasehatkan Majlis Bandar Raya itu supaya memperbaiki sedikit chara² pentadbiran-nya.

Satu lagi projek yang telah di-jalakan oleh Majlis Bandar Raya di-dalam kuasa Socialist Front ia-itu satu projek

perumahan di-Kampong Bharu. Sa-belum projek itu di-mulakan apa yang di-janjikan oleh Majlis itu di-bawah kuasa Socialist Front ia-itu semua rumah² itu hendak di-jualkan kepada orang² yang membuat permohonan dan apakala rumah² itu telah siap dan boleh di-duduki, Socialist Front ini juga telah ubahkan sedikit perjanjian-nya, dia hanya akan menyewakan rumah itu, ini-lah satu perkara—perjanjian yang di-janjikan sa-belum di-buat rumah dan apa² yang telah di-buat sa-lepas rumah itu siap dan sekarang ini rumah itu ada-lah di-sewa dengan sewaan \$42 pada sa-bulan.

Satu lagi layanan yang tidak sa-imbang dan tidak sama di-antara kawasan dengan kawasan yang lain Majlis Bandar Raya. Saya ada-lah menjadi wakil Ra'ayat dalam satu Majlis Bandar Raya ia-itu kawasan Jelutong yang mempunyai ra'ayat lebeh kurang 10 ribu lebeh yang penoh sesak di-dalam kawasan itu, dan kalau di-bandingkan dengan satu kawasan yang lain umpama-nya Kelawai juga di-dalam kawasan Bandar Raya, perbezaan-nya ada-lah paling jauh kerana di-kawasan Jelutong itu mempunyai penduduk² yang tidak begitu kaya saperti di-Kelawai. Sa-patut-nya kawasan ini-lah di-beri layanan kalau pun tidak tinggi patut-lah di-beri layanan sama kerana saloran² ayer dan tempat² yang patut di-beri persamaan umpama-nya jalan² berlopak lapek sekarang itu pun tidak di-baiki. Tetapi kalau di-bandingkan dengan di-Kelawai satu kawasan Bandar Raya juga memang tempat itu elok dan baik. Itu-lah tempat² yang harus Yang Berhormat kita dari Batu ini pergi ka-kawasan Jelutong supaya dapat melihat bagaimana-kah buruk-nya pentadbiran Socialist Front itu.

Akhir-nya, satu perkara yang suka saya hendak nyatakan di-sini atas susah hati-nya saya, dukachita-nya saya, terhadap banyak penjaja² yang telah di-tangkap oleh polis, kerana menjaja barang² di-atas jalan. Saya tidak-lah hendak menyalahkan penjaja² ini. Ini ada-lah di-sebabkan oleh Socialist Front, atau pun pegawai yang berkuasa Majlis itu yang telah membenarkan banyak sangat lesen, di-beri

banyak sangat lesen sa-hingga ta' ter-muat Majlis Bandar Raya itu oleh penjaja² ini. Jadi, apakala penjaja² ini ta' dapat tempat, maka mereka kena-lah buat menjaja di-atas² jalan, di-tepi² jalan di-tempat² ini, sa-hingga susah bagi polis² ini hendak menjalankan tugas²-nya, tetapi apakala polis ini menjalankan kewajipan dan tugas-nya untok menangkap orang² ini, mereka ini di-salahkan oleh Socialist Front, kerana menangkap orang² miskin.

Ini-lah satu bayangan, satu gambaran kepada Majlis ini atas buruk baik-nya pentadbiran Socialist Front, City Council Pulau Pinang. Oleh itu, saya minta-lah kepada Menteri yang bertanggung-jawab ini supaya apakala dia melawat Pulau Pinang kelak dapat memerhati-kan dan memberikan pandangan²-nya dan nasihat²-nya kepada Majlis Bandar Raya ini, muga² mereka itu dapat menimbangkan balek, mendapatkan balek sa-mula untok membaiki keadaan di-dalam Pulau Pinang sana.

Akhir sa-kali ia-lah berkenaan dengan Pertahanan Awam. Saya me-muji-lah di-atas perjalanan² yang telah di-jalankan

Mr Chairman: Saya suka mengingat-kan Ahli Yang Berhormat sudah mengambil lebeh daripada 15 minit—janji tadi 15 minit sahaja. Ahli² yang lain pun ada yang hendak berchakap, masa-nya tersangat singkat, kalau tidak, saya boleh benarkan.

Enche' Ismail bin Idris: Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya memuji di-atas perjalanan Pertahanan Awam, tetapi saya minta-lah supaya dapat di-timbangkan sa-mula keadaan pegawai²-nya di-sana, harus-lah ada sedikit per-kara² yang tidak memuaskan hati, sekian.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap dalam muka surat 260, Kepala S. 62 berkenaan dengan Fire Service. Saya menyokong sangat pendapat sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara tadi berkenaan dengan hal gaji Fire Service yang mana tidak sama dalam semua Negeri. Sunggoh pun ini tanggung-jawab Kerajaan Negeri, tetapi saya minta dengan jasa baik Kementerian ini,

tolong-lah timbangkan supaya jangan-lah sampai mereka² mengambil tindakan hendak mogok pula. Jadi, sila-lah timbangkan gaji-nya, samakan-lah gaji tiap² orang yang berkhidmat di-dalam Jabatan Bomba di-merata² Negeri, kerana tanggong-jawab ahli² yang berkhidmat ini tersangat susah, kadang² mendapat panggilan talipon palsu, mereka pergi dengan serta-merta; ada yang mati dengan tidak berfasal. Jadi, ini-lah yang saya minta supaya Menteri ini mengambil ingatan sedikit berkenaan dengan tuntutan gaji daripada ahli² bomba ini sakalian.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, ia-itu sebagaimana yang kita tahu, Kementerian Perumahan sedia meminjamkan wang-nya kepada Kerajaan Negeri, kerana membuat rumah murah di-dalam kawasan perbandaran. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri bagi menimbangkan pinjaman membuat rumah murah di-kawasan Majlis Tempatan dan Luar Bandar di-kawasan saya. Penduduk² luar bandar juga memohon untuk mendapatkan pinjaman, kerana mendirikan rumah murah supaya di-timbangkan oleh Kerajaan sama ada melalui Kerajaan Negeri, atau pun Kerajaan Pusat. Kalau sa-kira-nya pindaan undang² itu di-perlukan, saya mohon undang² itu di-pinda dan di-sesuaikan keperluan-nya kepada penduduk² di-luar bandar. Ini sudah menjadi tujuan Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup penduduk² di-luar bandar, bukan sahaja tentang pendapatan-nya, bahkan juga tentang rumah tangga yang baik dan teratur.

Saya perchaya Kementerian ini boleh memberikan bantuan ka-arrah itu, kalau Kerajaan betul² mahu melihat ra'ayat di-luar bandar itu aman dan ma'amor. Jadi, saya mohon, kalau sa-kira-nya Kementerian ini memikirkan patut bagi meminda undang² berkenaan dengan memberi pinjaman wang kerana membuat rumah murah itu, sila-lah pinjamkan supaya dapat orang² luar bandar itu menekmati kemerdekaan negara kita. Terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya suka

rengkaskan, ia-itu saya bangun untuk menyokong peruntukan bagi Kementerian ini. . . .

Mr Chairman: Saya hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, chuma di-benarkan lima minit sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Saya chuba rengkaskan. Yang pertama, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai kuasa Majlis Tempatan. Mengikut Fasal 94 ia-itu kuasa untuk Majlis² Tempatan untuk membuat undang² ialah terletak di-tangan Kerajaan Negeri, tetapi ada pula satu Majlis Kebangsaan membuat undang² yang meliputi seluruh Majlis² Tempatan. Jadi, sa-takat mana kuasa Majlis Undangan Negeri dan sa-takat mana pula kuasa bagi Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin mengeshorkan sa-lain daripada ranchangan perumahan yang sedang dilakukan oleh Kementerian ini, ada di-tempat², di-pekan², atau pun di-bandar² kechil yang tanah-nya maseh luas lagi untuk di-adakan satu ranchangan tanah untuk perumahan. Yang saya maksudkan supaya Kementerian ini membuat satu ranchangan untuk memberi mithal-nya 10 ekar tanah dan tanah itu di-pechahkan satu ekar kepada 8 pechahan dan tanah yang 100 kaki panjang, 60 kaki lebar mithal-nya untuk di-buat rumah oleh penumpang² di-dalam bandar. Dengan satu rajah, atau plan yang di-beri oleh Kementerian ini supaya dapat-lah orang yang memileki tanah itu membayar harga tanah dahulu kepada Kerajaan sa-chara beransor² dan pada akhir-nya membolehkan sedikit demi sedikit bagi orang itu membuat rumah-nya sendiri dan memileki tanah yang ada diberikan oleh Kerajaan. Saya harap mendapat timbangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang ketiga, satu perkara yang menjadi satu masalaah yang besar yang dihadapi oleh pembenaan, atau pun pembangunan bangunan² di-dalam bandar mengenai ranchangan hendak membuat rumah² kedai, atau pun rumah murah sa-chara private, manakala pembangun ini, atau developers

membeli satu keping tanah dengan harga yang telah di-persetujukan dengan tuan tanah dan manakala hendak di-keluarkan, penumpang² atas tanah itu mendapat satu kerumitan yang besar, kerana penumpun² itu meminta ganti rugi—rumah² yang kecil itu berharga di-antara \$5,000 hingga \$10,000 sa-hingga tidak berpatutan sangat. Dengan yang demikian, banyak ranchangan rumah sa-chara private, atau membuat kedai tergendala. Oleh yang demikian, saya mengesahkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya membuat satu undang² yang boleh di-namakan dia dengan "The Squatters Arbitration Board" supaya Majlis Tempatan, atau tiap² Negeri melantek sa-buah badan yang di-namakan Lembaga Perunding Untuk Penumpang². Dengan ada-nya lembaga ini, dapat-lah pihak pembangun membawa wakil-nya, dan pihak penumpang itu juga membawa wakil-nya, dan pihak Kementerian melantek beberapa orang pegawai sa-bagai orang tengah untuk menyelesaikan masalah ini. Dengan chara ini, dapat-lah kemajuan sa-suatu Majlis itu lebih baik dan lebih elok lagi daripada yang lama ini. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok):

Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Ulasan dan pandangan telah banyak di-beri. Saya rasa pada dasar-nya Dewan ini menerima peruntukan ini dengan baik. Ada satu perkara sahaja yang saya minta di-sini ia-itu berkenaan Kerajaan Tempatan itu ada terdapat dalam negeri kita ini Town Council (Majlis Bandaran) yang selalu menemui deficit dalam kiraan kewangan-nya pada tiap² tahun. Saya mengshorkan supaya taraf satu² Majlis Bandaran itu kalau sa-kira-nya menemui deficit sampai dua kali patutlah dia di-mansokhkan dan di-jadikan Local Council, sebab ini mengikut pengalaman saya di-tempat yang saya dudok sekarang. Tuan Pengerusi, saya tidak-lah berasas kepada saya orang di-situ, kerana saya pergi ka-negeri Arab, unta yang dudok di-Arab beratus tahun dia tidak tahu hal kedudukan di-situ, jadi jangan-lah pula kata saya

bukan orang Bachok, maka saya tidak tahu. Itu yang pertama-nya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pertahanan Awam di-dalam S. 63 yang di-masokkan dalam Kementerian ini. Pertahanan ini kena-mengena dengan senjata. Jadi, apa salah-nya kalau kita masokkan ka-dalam Ministry of Defence daripada kita masokkan di-dalam kemajuan yang kita hendak buat ia-itu dalam Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Saya nampak Pertahanan Awam ini di-pindahkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan di-ubah nama-nya kepada Development Force, sa-bagaimana yang pernah saya sebutkan supaya orang ini bukan sahaja mempertahankan kedudukan di-situ, tetapi mereka dapat juga memberi tenaga di-dalam kemajuan luar bandar. Dan saya tidak nampak logik-nya mengapa mesti di-masokkan di-sini, sa-lain daripada hendak menggunakan orang² ini untuk tolong kempen bagi Kerajaan yang berkuasa pada masa ini, dan saya minta perkara ini di-tukarkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan nama-nya pun di-ubah kepada Development Force bukan Civil Defence lagi kalau itu yang di-maksudkan.

Berkenaan dengan S. 61, saya nampak juga di-Sabah ia-itu menjadi satu juga benda yang boleh kita tiru, ia-itu dalam kesemua ranchangan Bandar dan Kampong tidak-lah kita mesti tumpukan kepada Ranchangan Perumahan sa-mata² atau mengutamakan perumahan, kerana perumahan ini menjadi satu hajat kepada tiap² orang mahu ta' mahu saperti nasi juga dia terpaksa kena buat, elok ta' elok sa-kali pun, tetapi yang menjadi problem—jalan (road) kerana kalau dia hendak buat sa-orang dia tidak boleh, tetapi rumah kalau Kerajaan tidak membuat bagi-nya mahu ta' mahu dia kena buat sendiri walau kecil sa-kali pun. Jadi, untuk memajukan negara kita ini dari segi kemajuan-nya ia-lah jalan bukan-nya rumah, dan saya minta perkara ini di-utamakan daripada rumah. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya rasa Menteri kita pun hendak menjawab.

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Pengerusi, pada mula-nya saya bangun ia-lah menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian ini Peruntukan Tahun 1965. Saya berharap Kementerian ini akan menjalankan tugas-nya dengan sempurna untuk faedah penduduk dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya suka sedikit berchakap dalam muka 255, S. 60 di-bawah Ibu Pejabat. Tuan Pengerusi, kalau saya tidak silap, dalam Anggaran Perbelanjaan yang sudah, saya ada menyebutkan sedikit berkenaan dengan fasal rumah murah. Dalam kawasan saya atau pun dalam Jajahan Krian, belum ada sa-buah pun rumah murah yang di-buat oleh Kementerian ini atau pun ura² hendak membuat rumah di-situ, tetapi satu Jawatan-kuasa telah di-tubuhkan mengadakan 40 rumah murah berhampiran dengan pekan Parit Buntar dan anggaran belanja-nya lebeh kurang \$250,000. Saya perchaya perkara ini akan sampai kapada Kementerian ini meminta bantuan untuk mendirikan rumah murah itu dan saya berharap Kementerian ini tidak usahlah merengankan dan saya harap mengambil berat apakala surat itu datang besok, mudah²an saya dan semua orang di-Kerian akan mendapat rumah murah.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan rumah Kerajaan. Jika sa-kira-nya saya silap tolong betulkan. Saya dapat tahu dalam Kuala Lumpur ini rumah² Kerajaan boleh di-katakan tidak banyak. Kakitangan² Kerajaan yang bergaji tinggi atau berjawatan tinggi, apa lagi yang berjawatan rendah, boleh di-katakan kebanyakan-nya menyewa rumah, dengan menyewa rumah itu terpaksa Kerajaan memberi bantuan untuk bayar sewa rumah. Saya dapat tahu ada sa-buah rumah yang di-duduki oleh kakitangan Kerajaan yang berjawatan tinggi menyewa rumah sa-hingga \$500.00 sa-bulan yang di-beri oleh Kerajaan dan sa-kurang²-nya \$400.00. Jika sa-buah rumah \$400.00 Kerajaan keluarkan sa-bulan, jika 100 buah rumah dalam sa-bulan \$400,000 dan jika sa-tahun ta' tahu berapa juta ringgit yang di-keluarkan oleh Kera-

jaan membayar sewa rumah. Jadi, pada fikiran saya jika kita ambil dalam jangka panjang, rugi sangat-lah Kerajaan untuk membayar sewa rumah itu, dan dengan itu saya menhadangkan kalau boleh minta-lah Kementerian ini supaya membuat rumah untuk kakitangan Kerajaan yang berjawatan tinggi dan rendah.

Dalam perkara ini kalau kita belanjakan, umpama-nya, membuat 100 buah rumah berharga \$10 juta, tetapi dalam masa yang panjang kita untong. Jika kita sewa rumah, kita akan bayar sampai 10-20 tahun, rumah bukan kita punya dan duit Kerajaan habis. Saya minta Kementerian ini supaya menimbangkan apa yang saya katakan ini.

Sa-lain daripada itu, berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba di-dalam S. 62. Saya hendak bawa perkara kakitangan² bomba, tetapi telah di-bawa dahulu oleh sahabat saya dari Larut Utara, jadi ta' payah-lah saya berchakap lagi, tetapi bagi pehak diri saya, menyokong kuat atas apa yang di-shor dan di-ucapkan oleh Yang Berhormat dari Larut Utara tadi. Saya sudah bawa perkara itu tahun sudah, tetapi malang-nya sa-hingga hari ini tidak lagi nampak-nya yang Kerajaan mengambil tahu berkenaan dengan gaji atau tingkatan gaji kakitangan bomba. Sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat dari Larut Utara tadi di-Kuala Lumpur ini gaji-nya \$110.00 lebeh tetapi di-Kajang \$90.00 padahal mereka di-panggil Ahli Bomba atau pun dalam bahasa Inggeris Firemen

The Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Sulaiman bin Bulon): Tuan Pengerusi, ada-kah maksud-nya Kerajaan Pusat hendak mengambil alih Perkhidmatan Bomba di-dalam Kerajaan Negeri? Kalau kita hendak mengambil alih berma'ana kita kena menambah lagi gaji² dalam Anggaran Perbelanjaan ini, kerana Perkhidmatan Bomba ini ia-lah di-bawah Kerajaan Negeri. Dan kalau kita hendak samakan gaji itu ada-kah mampu Kerajaan Negeri mengikut gaji sa-bagaimana yang di-bayar oleh Kerajaan Pusat? Perkhidmatan Bomba di-Kuala Lumpur ini ia-lah di-bawah Kerajaan Pusat.

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya bagitu, saya fikir baik-lah Kerajaan Pusat ambil alih atas perkara ini—(AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear)—supaya jangan kakitangan² bomba ini, sama ada pangkat bawah atau atas, tidak bersungut sa-tiap masa. Jadi, kalau bagitu, saya fikir elok-lah perkara ini di-ambil alih oleh Kerajaan Pusat, sebab kakitangan bomba ini bukan-lah banyak macham kakitangan yang lain.

Jadi sebab itu kalau sa-kira-nya boleh, bagaimana yang telah di-terangkan oleh Menteri Muda tadi, elok-lah sangat jawatan bomba ini di-ambil alih oleh Kerajaan Pusat. Jadi bak kata orang “kechil tapak tangan niru saya tadahkan kalau dapat buat bagitu. Satakat ini-lah saya uchapkan terima kaseh.

Enche' Geh Chong Keat: (*Rises*).

Mr Chairman: I am sorry for those who have not been able to speak, but they can convey whatever they wish to the Minister in writing. This is because of the time limit which is of such importance.

Enche' Geh Chong Keat: Can I speak for only ten minutes, Sir?

Mr Chairman: No!

Dato' V. T. Sambanthan: Mr Chairman, Sir, questions have been asked and one is by Mr Khoo of Sarawak as to whether opportunity will be afforded to firemen from Sarawak to train at the Central Fire Training School. I would like to reply that every opportunity will be afforded to them.

The Member for Bukit Bintang made a very eloquent plea for the people living in the squatter areas of his constituency. It is essentially a problem of squatters and we are looking into the whole problem, and we hope to have enough provisions in the Five-Year Development Plan. As for basic community facilities, this will be looked into, and I would like to assure the Honourable Member that when the substantive Minister of Local Government and Housing comes back after his rest, I shall in particular mention this problem of his.

The Member for Larut Utara asked some questions about the Fire Services. I would like to say that constitutionally Fire Services are a State subject, except for the Federal Capital, but this Ministry, as the custodian of the Fire Services, is however, for the sake of standardization of salaries and uniformity of policy, looking into the claim for revision of salaries by the Union of Fire Fighting Services in consultation with the Federation Establishment Office. It is anticipated that the decision regarding their claim will be made shortly. The Union has, in fact, up till recently, been negotiating their claim with the Staff Side of the National Whitley Council.

The various suggestions of the Member for Tanjong are being considered by the Ministry. As for the market in Seremban, we would certainly look into it once the State Government takes up the matter with us.

The Member for Penang Selatan wanted eastern type of houses, but in built-up areas, where there is scarcity of land, we have no alternative except to build upwards. This really is the problem, because if we build upwards in a given square foot of land we are able to build cheaper.

The Member for Bachok made some reference to Civil Defence. I would like to say that Civil Defence is not an armed force. It includes various non-operational schemes which are meant for passive defence. For this reason the Government considers that this Department should come under this Ministry and not under the Ministry of Defence which deals with the Armed Forces.

The Member for Tanjong again referred to medical examinations for those in the Civil Defence. I would like to say that medical examinations are not needed for those called up for civil defence under the National Service Ordinance. However, exemptions are granted by the Manpower Department, which is outside the scope of the Ministry of Local Government and Housing. But I shall undertake that the Ministry should write to the Department of Manpower, bringing to their knowledge that there are some who are

medically unfit even to serve in the Civil Defence and that they should look into this matter.

The Member for Penang Selatan asked certain questions about local authorities. I would like to inform him and other Members who have raised such questions that (1) a Commission of Inquiry is being instituted, (2) the terms of reference include a review of the laws administrative of local authorities, and (3) whether there is justification for such local authorities to continue to exist. A Commissioner will be appointed under the Commission of Inquiry Ordinance, 1950. The Commission will be hearing evidence relating to the workings of local authorities—that is, municipalities, town councils, town boards and local councils—in the States of Malaya.

With regard to the suggestion of the Member for Seberang Utara that land should be reserved for housing, I think it is an admirable suggestion and we would look into it. The question, however, is making available land in all

the built-up areas. That is about all, Mr Chairman, Sir.

Question put, and agreed to.

The sums of \$601,416 for Head S. 60, \$402,103 for Head S. 61, \$173,904 for Head S. 62 and \$3,755,773 for Head S. 63 ordered to stand part of the Schedule.

House resumed.

(Mr Speaker in the Chair)

Mr Speaker: Honourable Members, I have to report that the debate in Committee of Supply on the Supply Bill, 1965, has progressed up to Head S. 63 of the Schedule.

ADJOURNMENT

(Motion)

Dato' V. T. Sambanthan: Mr Speaker, Sir, I beg to move that the House do now adjourn.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Adjourned at 7.50 p.m.